



قلمنتا بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 33 BILANGAN 1

RABU 6 JANUARI, 1988.

رابعو 16 جمادى الأولى 1408

PERCUMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika bertitah di Istana Nurul Iman sempena kedatangan tahun baru Masihi 1988. Titah baginda itu disiarkan oleh Radio dan Televisyen Brunei tepat pada jam 12.00 malam pada 31 Disember, 1987.

PETIKAN TITAH

“DENGAN wujudnya keamanan dan kestabilan dalam ASEAN, kita telah berkeupayaan mempergunakan sumber-sumber kita untuk membangun negara dalam berbagai kegiatan ekonomi, mempertingkatkan infrastruktur asas kita serta juga untuk mempertingkatkan taraf hidup rakyat kita.”

Dititahkan di upacara pembukaan rasmi Persidangan ke-9 Menteri-menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN di Pusat Dakwah Islamiah pada 24 September, 1987.

TINGKATKAN TEKAD, AZAM TINGGIKAN MUTU KERJA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berharap kepada pegawai-pegawai dan kakitangan serta anggota pasukan keselamatan supaya mempertingkatkan lagi tekad dan azam untuk meninggikan mutu kerja dan khidmat kepada negara.

Harapan itu terkandung dalam titah perutusan bagin-

da sempena kedatangan tahun baru Masihi 1988. Titah baginda, hendaklah mereka sentiasa bersikap positif, cekap, dan penuh dedikasi di dalam melakukan tugas mereka serta bebas daripada segala rasuah dan menyalahgunakan kuasa dan sentiasa bersikap jujur dan amanah semata-mata kerana Allah jua.

“Khususnya bagi jabatan-jabatan yang sentiasa dihubungi oleh pihak orang ramai, beta ingin meng-

— TITAH

ingatkan supaya mereka hendaklah sentiasa bersikap terbuka dan melayani orang ramai dengan cara bersopan santun dan mengambil berat tentang apa jua masalah yang mereka hadapkan,” titah baginda menegaskan.

Di akhir titah perutusan baginda itu, baginda juga berkenan mengurniakan

Lihat muka 20

RAKYAT DAN PENDUDUK DISERU:

Tumpukan perhatian terhadap kesedaran sosial dan ketenteraman

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanali Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyeru seluruh rakyat dan penduduk negara ini menumpukan perhatian mereka terhadap peningkatan kesedaran sosial dan ketenteraman negara.

Tumpuan perhatian yang baginda maksudkan itu ialah dengan memberikan perhatian berat kepada masalah-masalah yang akan merosakkan dan merugikan anak-anak bangsa kita sendiri seperti masalah-masalah penyalahgunaan dadah, menghidu gam, merosakkan harta benda awam dan kurang berdisiplin.

OLEH TIMBANG BAKAR

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah demikian dalam perutusan baginda sempena kedatangan tahun baru Masihi 1988 yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen

Brunei tepat jam 12.00 tengah malam pada 31 Disember, 1987 yang baru saja kita tinggalkan.

GEJALA SOSIAL

Menurut baginda, masyarakat yang bebas daripada gejala-gejala sosial

Lihat muka 20

MANISNYA IMAN

“SETELAH berlaku hari kiamat, maka manusia akan diberikan tempat menurut amal masing-masing, adapun orang yang berat timbangan amal baiknya, maka ia berada di dalam kehidupan yang senang-lenang. Sebaliknya orang yang ringan amal baiknya maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah iaitu api yang panas membakar.” — Maksud Surah Al-Qari'ah ayat 6 — 11.



6 JANUARI, 1988

Dengan nama Allah yang Maha
Pemurah dan Maha Penyayang

AMANAT TAHUN 1988

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam beritiah dengan mengingatkan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan serta anggota pasukan-pasukan keselamatan agar memperingkatkan tekad dan azam untuk meningkatkan mutu kerja dan khidmat negara dalam menghadapi tahun 1988 ini.

Amanat murni ini dititahkan sempena menyambut tahun Masihi 1988 dengan menekankan agar kita sentiasa bersikap positif dan penuh berdedikasi dalam melakukan tugas harian di samping bebas daripada segala rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Kita dituntut agar sentiasa bersikap jujur, amanah semata-mata kerana Allah jua di samping sentiasa melayani kehendak-kehendak orang ramai yang memerlukan bantuan.

Sikap positif dalam setiap perkara adalah perlu kita amalkan kerana dengan sikap inilah kita akan lebih terbuka dalam memenuhi kehendak rakyat dan penduduk. Kesediaan kita memberikan khidmat akan dapat memupuk semangat perpaduan dan meningkatkan kesedaran dan keharmonian hidup.

Baginda juga bertitah supaya mengelakkan diri daripada penyalahgunaan kuasa. Apapun bentuk penyalahgunaan kuasa ini, ia tetap merupakan suatu sikap negatif yang berkemungkinan menggalkan projek-projek kemajuan dan boleh merosakkan negara.

Sejarah dunia telah banyak mencatat kemudaratan-kemudaratan yang menimpa rakyat dan penduduk negara-negara tertentu bila mana berlaku secara berleluasa penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

Syukur Alhamdulillah, negara kita yang makmur ini tetap diberkati Allah Subhanahu Wataala dengan memberikan limpah kurnia-Nya dalam kita sama-sama menaati ketenteraman, harmoni dan perpaduan.

Perpaduan dan keharmonisan ini telah membolehkan kita sama-sama menikmati pelbagai kegiatan dan kemajuan. Namun demikian kita janganlah lupa atau lalai dengan kenikmatan yang kita miliki itu. Sebaliknya ia harus dijadikan galakan untuk berusaha lebih giat lagi.

Kerajaan dan pihak-pihak swasta sama-sama membantu dalam memajukan negara kita ini sebagai usaha mempertingkatkan lagi pencapaian produktiviti, mutu kerja dan perkembangan yang sihat di bidang ekonomi dan sosial.

Setetunya lah segala pencapaian ini berpunca daripada sokongan dan dukungan berterusan daripada rakyat dan penduduk yang cintakan ketenteraman, kesejahteraan dan kemakmuran bersama.

Perpaduan dan kemakmuran yang kita nikmati selama ini akan bertambah-tambah rahmatnya apabila kita dapat meningkatkan kesedaran sosial. Peningkatan kesedaran sosial dan ketenteraman negara ini amat penting bagi membentasi gejala-gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, menghidu gam, merosakkan harta benda awam dan kurang berdisiplin.


Gejala-gejala ini, jika menular akan merosakkan bangsa dan memporak-perandakan negara apatah lagi jumlah penduduk kita begitu kecil dan sedikit.

Meskipun peratus mereka yang terlibat dalam gejala-gejala sosial ini agak 'damit' tetapi bahayanya kepada ketenteraman negara tidak boleh diambil ringan.

Kerana itu, baginda bertitah agar peningkatan kesedaran sosial harus diamalkan oleh setiap orang. Dengan adanya kesedaran dari semua pihak ini, usaha-usaha pembasmian gejala-gejala sosial dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Sekali imbas, ia begitu ringan untuk dikerjakan tetapi sesungguhnya ia adalah suatu tugas suci yang memerlukan kesungguhan dan lazimnya bermula daripada diri kita sendiri, keluarga, jiran, teman dan seterusnya masyarakat.

**Insya-Allah kita akan dapat mencapai
matlamat yang dihajati**

TINGKATKAN ASPIRASI DAN USAHA GIGIH



**TEKS penuh titah perutusan
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji
Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Wad-
daulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
sempena kedatangan tahun baru
Masihi 1988.**

BISMILLAHIR Rahmanir Rahim
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ALHAMDULILLAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan sekalian kaum keluarga, sahabat-sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Beta bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya jua, kita telah pun melalui tahun 1987 dengan keadaan negara yang penuh keamanan, kestabilan dan kemakmuran. Keadaan yang beta nyatakan itu juga dicapai dengan berkat adanya kerjasama, perpaduan dan sokongan sepenuhnya yang diberikan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini kepada Kerajaan Beta. Ini termasuk juga pegawai-pegawai dan kakitangan dan pasukan-pasukan keselamatan di dalam Kerajaan Beta. Bagi pencapaian ini, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih.

DENGAN wujudnya sebuah masyarakat yang sihat, yang bebas daripada gejala-gejala sosial dan yang sentiasa berdisiplin, maka kita akan dapat menumpukan perhatian kita sepenuhnya kepada perkara-perkara yang berhubung dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan.

HENDAKNYALAH mereka sentiasa bersikap positif, cekap dan penuh dedikasi di dalam melakukan tugas mereka, serta bebas daripada segala rasuah dan menyalahgunakan kuasa dan sentiasa bersikap jujur dan amanah semata-mata kerana Allah jua.

Tahun 1987 juga telah kita lalui dengan dipenuhi oleh berbagai-bagai kegiatan dan projek-projek yang berbekekajaan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan juga pihak-pihak swasta dalam usaha untuk memper-tingkatkan lagi pencapaian produktiviti, mutu kerja dan perkembangan di bidang-bidang ekonomi dan sosial. Adalah beta harapkan segala aspirasi yang tinggi dan usaha-usaha gigih yang telah pun ditunjukkan dan dicapai pada tahun 1987 itu akan dapat dipertingkatkan lagi pada tahun 1988 yang baharu ini. Dengan adanya kita melipatgandakan usaha kita itu, insya-Allah kita akan dapat mencapai matlamat yang dihaajati iaitu untuk melihat negara kita yang tercinta ini akan sentiasa maju dan berkembang di dalam berbagai bidang.

Bersempena menjelangnya tahun baharu Masihi 1988 ini, adalah beta harapkan seluruh rakyat dan penduduk di negara ini akan dapat menumpukan perhatian mereka terhadap peningkatan kesedaran sosial dan ketenteraman negara dengan memberikan perhatian berat kepada masalah-masalah yang akan merosakkan dan merugikan anak-anak bangsa kita sendiri iaitu seperti masalah-masalah penyalahgunaan dadah, menghidu gam, merosakkan harta benda awam dan kurang berdisiplin. Dengan wujudnya sebuah masyarakat yang sihat yang bebas daripada gejala-gejala sosial dan yang sentiasa berdisiplin, maka kita akan dapat menumpukan perhatian kita sepenuhnya kepada perkara-perkara yang berhubung dengan perkembangan ekonomi dan pembangunan. Dalam hal ini, adalah perlu bagi kita semua akan sentiasa bantu-membantu di antara satu dengan lain di dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara dan mengamalkan sikap pemadulian terhadap keadaan dan masyarakat di sekeliling kita serta patuh kepada undang-undang dan peraturan.

Kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan Beta dan juga anggota Pasukan-Pasukan Keselamatan, adalah beta harapan agar mereka akan sentiasa mempertingkatkan lagi tekad dan azam mereka untuk meningkatkan mutu kerja dan khidmat kepada negara. Hendaknyalah mereka sentiasa bersikap positif, cekap dan penuh dedikasi di dalam melakukan tugas mereka serta bebas daripada segala rasuah dan menyalahgunakan kuasa dan sentiasa bersikap jujur dan amanah semata-mata kerana Allah jua. Khususnya bagi jabatan-jabatan yang sentiasa dihubungi oleh pihak orang ramai, beta ingin mengingatkan supaya mereka hendaklah sentiasa bersikap terbuka dan melayani orang ramai dengan cara bersopan santun dan mengambil berat tentang apa jua masalah yang mereka hadapkan.

Akhirnya, beta bersama-sama dengan keluarga beta dengan sukacita mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, sambil berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan negara kita, Brunei Darussalam akan sentiasa dirahmati-Nya dengan keamanan dan kemakmuran serta bahagian segala manusia dan isi di dalamnya.

JKR ADAKAN SISTEM PENILAIAN PRESTASI KAKITANGAN SECARA BERPERINGKAT

BERAKAS. — Pengarah Kerja Raya, Awang Zakaria bin Dato Paduka Haji Noordin menjelaskan bahawa mulai awal tahun ini, jabatannya akan mengadakan satu sistem penilaian prestasi kakitangan secara berperingkat-peringkat.

Katanya, sistem penilaian ini akan menilai mutu kerja seseorang pegawai dan kakitangan, iaitu melalui ciri-ciri kelakuan, keperibadian seperti kedisiplinan, sikap, inisiatif dan kepimpinan dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

Pengarah Kerja Raya berkata demikian di Majlis Musabaqah Tilawatul Quran antara kakitangan Jabatan Kerja Raya yang berlangsung di sini pada 30 Disember lepas.

Dalam pada itu, beliau juga menyeru, kakitangan dan pegawai-pegawai di jabatannya, agar menunjukkan minat yang positif terhadap kerja serta semangat dedikasi yang tulen serta tanggungjawab yang penuh dalam menjalankan tugas-tugas seharian.

Dari itu tegasnya janganlah kita lalai dan alpa dan cepat berpuas hati terhadap kerja dan tanggungjawab yang telah siap kita selesaikan, kerana mungkin di keesokan harinya ada kerja-kerja yang lain yang perlu kita selesaikan.

Musabaqah Tilawatul Quran antara kakitangan Jabatan Kerja Raya pada malam tersebut telah dimulakan dengan persembahan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Seramai lapan peserta iaitu termasuk empat peserta

perempuan yang terdiri dari pegawai dan kakitangan jabatan itu telah menyertai musabaqah tersebut.

Haji Mohd. Yamin bin Haji Saat dari Bahagian Bangunan, Jabatan Kerja Raya telah memenangi tempat pertama Bahagian Qari. Sementara tempat kedua jatuh kepada Awang Sulaiman bin Duraman dari JKR, Kuala Belait dan tempat ketiga Haji Omar bin Haji Metassim dari Bahagian Air.

Manakala Bahagian Qariah, Hajjah Sariah binti Haji Abdul Lamit dari Bahagian Pembinaan, Jabatan Kerja Raya muncul sebagai johan, tempat kedua jatuh kepada Hajjah Norsalam binti Haji Abdul Lamit dari Unit Tawaran dan tempat ketiga jatuh kepada Dayang Norsiah bte Sinin dari Bahagian Bengkel.

Johan qari dan qariah dalam musabaqah ini akan mewakili Jabatan Kerja Raya di musabaqah antara jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan yang akan diadakan kemudian.

Syarah agama yang berkisar berkenaan hikmah-hikmah dan pengajaran-pengajaran dalam kitab suci Al-Quran telah disampaikan oleh Ustaz Haji Zainal Abidin bin Haji Sharbini, Pensyarah dari Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Bandar Seri Begawan.

Di akhir majlis hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Yang Mulia Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup, Setiausaha Tetap Pentadbiran, Kementerian Pembangunan.

BAGI MEWUJUDKAN PENTADBIRAN, PENGURUSAN YANG CEKAP:

KESEDARAN TERHADAP KEWAJIPAN INDIVIDU AMAT PERLU

Oleh Zubaidah HS
Gambar-gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH

prinsip dan matlamat hidup ialah manusia yang akan berjaya di dunia dan di akhirat, kerana jelasnya, kesedaran mengenai diri, mengenal tanggungjawab diri adalah amat dituntut oleh agama Islam.

Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh berkata demikian ketika membuka rasmi Musabaqah Tilawatul Quran antara kakitangan Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan yang berlangsung di

Bangunan Baru Jabatan Kerja Raya di sini pada 30 Disember lepas.

Menurutnya, perhubungan juga perlu diambil berat dan diurus dengan sempurna sama ada di dalam sektor kerajaan ataupun swasta.

Dato Seri Laila Jasa menegaskan, selain teknologi moden dan alat perhubungan ciptaan manusia yang mengkagumkan seperti telefon, teleks, faks imille dan sebagainya, peranan manusia

atau ahli masyarakat pekerja sebagai penggerak utama kepada perhubungan perlu diurus dan diperbaiki sebelum sesebuah organisasi itu mampu berfungsi dan mencapai matlamatnya.

Tegasnya lagi, sesebuah organisasi akan kucar-kacir jika ahli-ahlinya tidak dapat berhubung dengan lancar. Pendorong kepada perhubungan yang lancar ini, menurut Dato Seri Laila Jasa, ialah dengan adanya sifat hormat-menghormati, bantu-membantu, bertolak ansur, tahu memelihara hak kawan sekerja dan seterusnya adat bekerja yang murni.

Sifat-sifat yang murni ini, tegas Dato Seri Laila Jasa jika dipupuk di dalam organisasi di mana kita bekerja akan meluahkan 'tenaga tolak' yang kuat bagi mewujudkan pentadbiran yang cekap dan berkesan.


Di samping itu, menurutnya juga cantuman atau kombinasi peralatan moden ciptaan manusia dan sifat-sifat murni yang kita warisi turun-temurun boleh mewujudkan satu sistem perhubungan yang sempurna dan unik.

"Insha-Allah jika sistem perhubungan seperti itu dapat dipupuk dengan kesedaran dan jika perhubungan di antara pekerja dengan pekerja terjalin dan terjamin dengan baik, environment bekerja akan menjadi lebih selesa dan tenang," tegas Dato Seri Laila Jasa.

Dengan itu, katanya, akan lebih efisienlah pengurusan dan pentadbiran pejabat dan perkhidmatan kita kepada kerajaan dan orang ramai. Dan dengan demikian membuka pintu kepada tahap pencapaian produktiviti dan kualiti yang tinggi dan cemerlang.



SETIAUSAHA Tetap Pentadbiran, Kementerian Pembangunan, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh menyempatkan piala kepada johan qari Musabaqah Tilawatul Quran JKR, Awang Haji Mohd. Yamin bin Haji Saat (atas). Gambar bawah pula ialah johan qariah, Dayang Hajjah Sariah binti Haji Abdul Lamit menerima piala kejuaraannya.



MEMBINA astaka yang indah seperti ini bagi tempat mengadakan pertandingan membaca Al-Quran merupakan suatu tradisi di kalangan masyarakat kita. Ini melambangkan betapa tingginya nilai Al-Quran itu yang sewajarnya mendapat tempat yang istimewa, suci dan dimuliakan.



YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS.....Siri ke-414

ARAK DAN HUKUM ORANG YANG TERLIBAT DENGANNYA

BERKATA Al-Imam Ibnu Hajar dalam kitab Az-Zawaajir 'aniqtiraafil kabairi muka 371 hingga muka 382: Adalah berdosa besar kerana meminum arak semata-mata dan minum air yang memabukkan yang lain dari arak sekalipun satu titik, kiranya ia orang Syafie, dan memerah arak dan air yang memabukkan, minta perahkan keduanya dengan qad yang akan datang, membawanya, minta bawakan kepadanya, seperti kerana meminumnya, kerana memberi minum, minta diberi untuk meminumnya, menjualnya, membelinya, minta belikan atau minta jualkan, memakan harganya,

memegang dan memiliki salah satunya. Inilah dia 12 perkara mengenai arak dan seumpamanya perkara pada air yang memabukkan yang diperah dari anggur dan yang diperah dari lain-lain buah dan biji-bijian yang dinamakan "muskirun" iaitu air yang memabukkan, dan menurut satu qaul yang "asah" bahawa tiap-tiap air yang diperah yang memabukkan ialah arak sama ada dari anggur atau lain-lain. Jadi arak itu sama ada ia dibuat dari air anggur dan air dari buah yang lain dan biji-bijian adalah arak namanya pada syarak.

Diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Al-Bukhari

dan Muslim dan Abu Daud, At-Termizi dan An-Nasaei yang ertinya: Tiap-tiap yang memabukkan ialah arak, dan tiap-tiap yang memabukkan adalah haram. Dan riwayat Abu Daud yang ertinya: Dan tiap-tiap yang memabukkan itu ialah arak dan tiap-tiap arak itu adalah haram. Dan diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Imam Ahmad dan Abu Yu'laa yang ertinya: Ingatlah, maka tiap-tiap yang memabukkan itu ialah arak dan tiap-tiap arak itu adalah haram.

Ini adalah setengah-setengah hadis yang mengatakan arak dan tuak, samsu dan lain-lain air yang

diperah yang memabukkan itu adalah haram hukumnya dalam Islam. Hukum haram arak telah tersebut dalam Al-Quran yang tafsirnya dengan ringkas: Hendaklah kamu berhenti dari minum arak dan bermain judi, kerana syaitan itu berkehendakkan melagakan di antara kamu pada membuat permusuhan dan benci-membenci dengan minum arak dan main judi itu dan menegah kamu dari ingatkan Allah dan dari mengerjakan sembahyang (ayat 90 dan 91 Surah Al-Maaidah).

Telah ijmak dan sekata umat Islam mengatakan bahawa arak haram diminum

Siri pertama

dan telah diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dengan sanad rijalnya "Rijalus Sahih" daripada sahabat Ibnu Abbas Radhiallahu Anhuma telah berkata yang ertinya: Tatkala diharamkan arak, maka sahabat-sahabat Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pergi setengah kepada setengahnya yang lain dan mereka berkata arak telah diharamkan dan arak itu dijadikan sebagai rakan dan baya syirik menyekutukan Allah.

Telah diriwayatkan oleh



YDM Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Awang Haji Ismail bin Omar Abd. Aziz, Mufti Kerajaan.

Al-Imam Abu Daud dan lain-lain ulama hadis yang ertinya: Allah Taala telah mengharamkan arak dan harganya, dan Allah telah mengharamkan bangkai (seperti lembu dan kambing pangkung dan ayam yang tiada diketahui orang Islam menyembelihnya pun dinamakan bangkai) dan harganya, dan Allah telah mengharamkan babi dan harganya.

WALLAHUAKLAM
(Bersambung)

Awang Ismail juara membaca ayat-ayat lazim orang cacat penglihatan

KAMPONG PULAI. — Awang Ismail bin Ibrahim telah muncul sebagai johan Peraduan Membaca Ayat-Ayat Lazim anjuran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan yang berlangsung di Pusat Bimbingan, Latihan dan Pekerjaan Kampong Pulaie di sini pada 24 Disember lepas.

Beliau mengalahkan lima peserta yang lain dalam Peraduan Membaca Ayat-Ayat Lazim bagi orang-orang cacat penglihatan dengan memperoleh 78 markah.

Tempat kedua dimenangi oleh Awang Mat Takip bin Tengah dengan markah 77 peratus, sementara tempat ketiga dimenangi oleh Awang Abdullah bin Kudi dengan markah 72 peratus.

Peraduan Membaca Ayat-Ayat Lazim bagi orang-orang cacat penglihatan ini merupakan pertama kali diadakan dengan tujuan mencungkil bakat mereka yang kurang bernasib baik, khususnya dalam pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Selain dari itu ianya juga dihasratkan sebagai satu perintis dan membuka jalan bagi mengadakan majlis-majlis seumpama itu bagi orang-orang yang kurang bernasib baik di masa yang akan datang.

Selama ini kita belum berkesempatan mengetahui kebolehan mereka dalam pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran atau ayat-ayat lazim. Tetapi tidak mustahil orang-orang seperti mereka ini boleh menjadi pembaca Al-Quran yang bermutu dan boleh diketengahkan.

Menurut Awang Jahali bin Suhaili, Pengerusi peraduan itu, selama ini kita banyak mengetahui kebolehan-kebolehan mereka dari segi kerajinan, muzik dan lain-lain, tetapi kebolehan mereka

Oleh Zubaidah HS

dalam pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran kurang kita ketahui.

Tetapi dengan adanya peraduan ini, bakat-bakat mereka dapat dilihat, walaupun memang tidak kita nafikan bahawa cara mereka mempelajari Al-Quran adalah berlainan dengan cara orang-orang normal, kerana mereka ini hanya mempelajari melalui daya ingatan dan pendengaran sahaja.

Walaupun bagaimanapun, menurut Awang Jahali, pengetahuan dan pengajaran Islam mereka dapat di-

jukan sekiranya terdapat tenaga-tenaga pengajar yang kemampuan memberi pelajaran dalam 'braille' dan seumpamanya.

Di majlis itu juga syarahan agama juga telah disampaikan oleh Ustaz Haji Mahmud bin Haji Yaakub dari Pusat Dakwah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Hadiah-hadiah kepada pemenang-pemenang di peraduan itu telah disampaikan oleh tetamu kehormat, Dayang Misnah binti Haji Bolhassan, Pemangku Ketua Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan.



PEMANGKU Ketua Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Dayang Misnah binti Haji Bolhassan menyampaikan hadiah kepada Awang Ismail bin Ibrahim yang muncul sebagai juara dalam peraduan membaca ayat-ayat lazim di kalangan orang-orang cacat penglihatan anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan — Gambar oleh Pengiran Haji Yaakub.



AWANG Mat Takip bin Tengah, pemenang kedua dalam peraduan tersebut sedang menerima hadiahnya. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.

PERTUKARAN BUKU-BUKU TEKS

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Peperiksaan Kementerian Pelajaran mengumumkan beberapa pertukaran terhadap buku-buku teks bagi pengajian sastera dan Bahasa Melayu untuk peperiksaan Brunei Cambridge GCE peringkat "O" dan "A".

Di antara buku-buku teks baru itu termasuklah sebuah novel tempatan yang berjudul "Lari Bersama Musim" karya Muslim Burmat.

Novel tersebut akan diperuntukkan bagi pengajian Sastera Melayu Moden dan untuk peperiksaan peringkat "O" kertas 2023 dan ianya adalah bagi menggantikan novel "Tulang-Tulang Berserakan" karya Osman Awang.

Buku bagi Sastera Melayu Klasik berjudul "Hikayat Malim Deman" oleh Pawang Ana dan Raja Haji Yahya telah dipilih untuk menggantikan buku "Hikayat Inderaputera" bagi kertas peperiksaan yang sama.

Bagi peperiksaan peringkat "A" Bahasa Melayu 2, buku "Warisan Puisi Melayu" oleh Prof. Mohammad Taib Osman akan menggantikan buku "Puisi Lama", sementara novel "Saga" karya Abdul Talib bin Mohd Hassan akan menggantikan novel "Ranjau Sepanjang Jalan" karya Shahnun Ahmad.

Buku-buku teks tersebut akan digunakan oleh penuntut-penuntut mulai tahun 1989 dan telah ditentukan oleh Lembaga Peperiksaan Brunei Cambridge bagi peperiksaan-peperiksaan Sastera Melayu Peringkat "O" dan Bahasa Melayu 2 Peringkat "A" mulai tahun 1990.

Pahala yang besar bagi orang yang menguruskan jenazah

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Salah satu perkara yang semakin kurang diambil perhatian oleh kita orang-orang Islam ialah amalan dan semangat berlumba-lumba untuk melakukan perkara-perkara yang berkebaikan demi kepentingan sesama Islam terutama semangat untuk memberi bantuan dan pertolongan kepada golongan yang memerlukan. Sebenarnya manusia itu sering lupa bahawa setiap seseorang itu tidak akan terlepas daripada berkehendakkan bantuan dan pertolongan dari orang lain betapa sekalipun kedudukannya di dalam masyarakatnya kerana manusia itu tidak mempunyai sifat kesempurnaan melainkan Allah Subhanahu Wataala.

Lantaran itu dalam Islam salah satu cara supaya keperluan dan kesulitan yang kita hadapi mungkin akan cepat diatasi dan terlepas daripadanya dengan kehendak dan inayah daripada Allah kerana semua itu adalah datangnya daripada Allah jua. Maka di dalam hal ini kadang-kadang yang menjadi pelepas ialah dengan adanya amal bakti yang pernah kita berikan kepada sesama manusia yang memerlukan bantuan dan pertolongan kita.

Salah satu amal kebajikan dan perbuatan tolong-menolong yang digalakkan oleh Islam bahkan ianya suatu yang dituntut oleh syarak iaitu menjadi fardu

kifayah hukumnya bilamana tidak ada siapa yang mengerjakannya iaitu masalah pengurusan jenazah orang-orang Islam. Perkara ini adalah merupakan suatu yang mesti diuruskan dengan seberapa segera yang mungkin, tidak boleh dilambatkan melainkan di dalam keadaan yang darurat. Kerana itu andainya banyak orang-orang Islam yang mengetahui cara-cara pengurusan jenazah ini serta bersedia setiap masa dengan penuh keikhlasan demi memberikan bantuan dan pertolongan kepada sesama saudara Islam maka sudah pasti pengurusan tidak akan tergendala atau terlambat.

Mungkin ada di kalangan kita kurang mengetahui betapa ganjaran dan pahala yang akan diperolehi oleh orang-orang yang membuat pengurusan jenazah baik di dalam memandikan, mengkafkan, menyembahyangkan, menguburkannya hatta yang mengiringkan jenazah sampai ke kubur pun akan mendapat ganjaran pahala yang begitu besar. Cuba kita perhatikan hadis Rasulullah di dalam perkara ini yang kira-kira maksudnya:

"Barangsiapa yang turut menghantar jenazah dan menyembahyangkan ianya mendapat pahala satu kirat dan siapa yang turut menghantarnya hingga selesai dikuburkan, ianya mendapat pahala dua kirat yang mana paling sedikit (nilai pahalanya ialah) sebesar Bukit Uhud." (Rawahu Jamaah).

Dan sabda Nabi lagi yang kira-kira maksudnya: *"Dari pada Jabar bin Abdullah telah berkata telah ber-*



sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam: *Siapa yang menggalikan kubur orang yang meninggal, Allah membinakan baginya rumah di Syurga dan siapa yang memandikan mayat dia keluar dari dosanya seperti hari ianya lahir daripada perut ibunya. Dan siapa yang mengkafkan mayat, Allah memakainya perhiasan daripada Syurga dan siapa yang memberikan takziah kepada yang berdukacita, Allah memakainya dengan pakaian takwa dan mendoakan rohnya bersama roh-roh yang lain dan siapa yang memberikan takziah kepada yang ditimpa kesusahan, Allah memakainya dengan dua perhiasan daripada perhiasan Syurga yang tidak ada di dunia ini. Dan siapa yang mengikuti (mengiringi) jenazah hingga selesai dikuburkan, dituliskan baginya tiga kirat pahala dan yang paling besar daripadanya (pahalanya) ialah lebih besar daripada Bukit Uhud."*

Demikianlah di antara kelebihan ganjaran pahala pengurusan jenazah, dan alhamdulillah di negara kita pada masa ini hampir seluruh masjid di negara kita telah pun mempunyai pasukan penggalang yang telah dilatih baik untuk pengurusan mayat lelaki mahupun pengurusan mayat perempuan. Oleh itu kepada sesiapa yang memerlukan bantuan tenaga penggalang yang berkenaan boleh menghubungi Pegawai-pegawai Masjid di setiap kampung dan mukim, di mana pasukan itu adalah merupakan pasukan sukarela untuk memberikan khidmat mereka kepada yang berkehendakkannya. Mudah-mudahan khidmat mereka yang ikhlas itu akan mendapat ganjaran sepertimana yang disebutkan di dalam hadis yang kita sebutkan tadi. Sungguhpun demikian kita semua masih mempunyai kesempatan untuk mendapatkan pahala yang begitu besar andainya kita turut sama walaupun setakat menyembahyangkan dan mengiringkan mayat ke kubur. Mudah-mudahan bukan sahaja pahala yang kita dapat bahkan akan mengingatkan kita untuk bersedia menghadapi alam kubur.

UTAMAKAN KEWAJIPAN KEPADA ALLAH DARI YANG LAIN

DALAM surah Al-Jumu'ah ayat 10 Allah berfirman yang kira-kira ertinya: Apabila selesai mengerjakan Sembahyang (Jumaat), bertebaranlah kamu di muka bumi dan carilah kurnia Allah (rezeki).

Jelas dari ayat Al-Quran tersebut menganjurkan supaya umat Islam terlebih dahulu menunaikan amal ibadah kepada Allah Subhanahu Wataala, untuk bekalan ke akhirat. Setelah itu barulah disuruh kita selaku hamba Allah yang perlukan makan dan minum mencari rezeki untuk kehidupan sehari-hari dengan hasil usaha masing-masing. Dari sini dapatlah kita faham bahawa kewajipan terhadap Allah itu hendaklah didahulukan dari kewajipan menanggung diri sendiri dan keluarga. Sementara mencari rezeki dengan usaha sendiri lebih utama dari semata-mata mengharapkan bantuan dan pertolongan orang lain. Pernah suatu ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melihat seorang laki-laki sedang duduk dalam masjid di waktu siang hari. Baginda lalu bertanya:

engkau?" "Saudara saya," sahut laki-laki itu. Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mengatakan: "Saudara engkau itu lebih mulia daripada engkau sendiri di sisi Allah."

Di antara pengertian yang dapat diambil dari sabda Baginda ialah supaya setiap orang yang telah dewasa, bertenaga (sihat), dan normal mestilah melakukan amal ibadatnya, berusaha sendiri mencari nafkahnya dan seboleh-bolehnya janganlah hendaknya mengharap hasil usaha orang lain pada mencari rezeki itu selagi ia mampu untuk mendapatkannya. Walaupun dari saudara kandungnya sendiri kerana di dalam sebuah hadis yang masyhur ada diterangkan yang ertinya: "Tangan di atas lebih baik daripada tangan di bawah."

Segala ajaran-ajaran yang telah disampaikan oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam itu adalah semata-mata menggalakkan agar umatnya berusaha mencari bekalan untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat. Dengan demikian secara tidak

langsung akan dapatlah dibasmi kefakiran dan kemiskinan di kalangan masyarakat. Dalam sebuah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang lain, Baginda bersabda yang maksudnya:

"Apabila hari Kiamat sudah hampir tiba, sedang di tangan kamu masih ada benih, maka jangan ragu-ragu pada saat itu menanam benih tersebut."

Dari maksud hadis tersebut dapatlah kita ber-

Menuju Keredaan Allah

pandu dan berpegang bahawa walaupun kita tidak dapat memetik hasil dari sesuatu usaha yang telah kita lakukan, hal itu tidak boleh dijadikan alasan untuk berpeluk tubuh bahkan Islam menggalakkan dan mendorong pemeluk-pemeluknya supaya berusaha hingga ke akhir hayat tanpa berputus

Lihat muka 20

Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-WAKTU sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara dan Tutong mulai dari hari Rabu 6 Januari hingga ke hari Selasa 12 Januari, 1988 adalah seperti di bawah ini :-

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
Januari												
6	12.28	3.48	3.49	6.21	6.22	7.35	7.36	5.15	5.01	5.16	6.30	6.31
7	12.29	3.49	3.50	6.21	6.22	7.36	7.37	5.16	5.02	5.17	6.30	6.31
8	12.29	3.49	3.50	6.22	6.23	7.36	7.37	5.16	5.02	5.17	6.31	6.32
9	12.29	3.50	3.51	6.22	6.23	7.36	7.37	5.17	5.03	5.18	6.31	6.32
10	12.30	3.50	3.51	6.23	6.24	7.37	7.38	5.17	5.03	5.18	6.31	6.32
11	12.30	3.50	3.51	6.23	6.24	7.37	7.38	5.18	5.04	5.19	6.32	6.33
12	12.31	3.51	3.52	6.24	6.25	7.38	7.39	5.18	5.04	5.19	6.32	6.33

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit manakala bagi Daerah Temburong hendaklah dikurangkan satu minit tiap-tiap waktu.

Sembahyang fardu Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Warganegara asing diingatkan : MASUK HENDAKLAH MELALUI POS KAWALAN IMIGRESEN

BERAKAS. — Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengingatkan warganegara asing yang datang ke negara ini hendaklah masuk melalui pos-pos kawalan Imigresen dengan dokumen-dokumen yang sah.

Menurut Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin, mereka yang menjalankan perusahaan pula hendaklah mempunyai pas-pas pekerja yang sah.

"Adalah menjadi kesalahan memasuki negara ini secara haram dan bekerja di negara ini tanpa pas bekerja. Akta Imigresen dan Akta Buruh menyediakan hukuman kepada kedua-dua warganegara asing yang menyalahi undang-undang ini dan juga kepada sesiapa yang melindungi dan memberikan pekerjaan kepada mereka. Begitu juga adalah menjadi kesalahan bagi memulakan perusahaan di negara ini tanpa terlebih dahulu mendapat lesen atau kebenaran mengikut akta-akta tertentu."

Oleh Abd. Karim HAB

tegus Dato Paduka Awang Haji Omar.

Beliau menyatakan perkara itu ketika merasmikan pertandingan membaca Al-Quran bahagian dewasa peringkat akhir Daerah Brunei-Muara 1408/1988 di Masjid Mohamad Bolkiah, Kampong Serusop pada malam Khamis, 30 Disember lepas.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menyediakan pelbagai undang-undang dan peraturan bagi mengekalkan kemakmuran dan ketenteraman negara. Oleh itu rakyat dan penduduk negara ini bertanggungjawab menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan berkenaan termasuk warganegara-warganegara asing.



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Omar bin Haji Serudin.



BARISAN peserta qari yang akan mewakili Daerah Brunei dan Muara ke Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Separuh Akhir Negara nanti.



BARISAN qariah yang terpilih ke peringkat separuh akhir.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menyampaikan hadiah kepada Dayang Siti Norzuhairah binti Haji Damit, pendatang baru dalam pertandingan Al-Quran yang telah berjaya ke peringkat separuh akhir.

20 PESERTA WAKILI DAERAH BRUNEI-MUARA KE PERTANDINGAN PERINGKAT SEPARUH AKHIR

JALAN MUARA. — Seramai 10 orang peserta lelaki dan 10 peserta perempuan telah terpilih bagi mewakili Daerah Brunei dan Muara ke Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa peringkat separuh akhir negara yang akan diadakan kemudian.

Oleh Zubaidah HS
Gambar-gambar oleh
Pg. Abu Bakar PHO

Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa bagi Daerah Brunei dan Muara itu telah pun berlangsung di Masjid Mohammed Bolkiah, Kampong Serusop di sini selama tiga malam berturut-turut iaitu pada 30 Disember, 1987 hingga 1 Januari, 1988.

Antara yang terpilih termasuklah peserta-peserta qari dan qariah yang memang dikenali sejak lama lagi seperti Awang Haji Mohd. Yusof bin Bakar, Awang Haji Rosli bin Hj. Bolaji, Dk. Saadiah binti Pg. Haji Tuah dan Dk. Salbiah binti Pg. Haji Mat Salleh.

Peserta lain yang terpilih ialah Mudim Haji Zainuddin bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Hj. Mohd. Tamin, Pg. Haji Abdul Wahab bin Pg. Haji Omar, Awang Haji Abdul Rahman bin Hj. Md. Salleh, Awang Haji Metasim bin Hj. Metusin, Awang Haji Emran bin Haji Kuncang, Awang Hassan bin Taha, Awang Haji Metusin bin Haji Mohammad dan Ak. Ludin bin Pengiran Haji Matahir.

Sementara peserta perempuan yang terpilih mewakili Daerah Brunei dan Muara ialah Dayang Hajjah Norhamimah binti Hj. Hamidun peserta muda dan pernah memasuki peringkat akhir Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat negara tahun lepas. Peserta yang lain ialah Dayang Hajjah Saadiah binti Haji Hussin, Dayang Siti Norzuhairah binti Haji Damit, Dk. Hajjah Masayu binti Pg. Haji Yusof, Dayang Hajjah Taibah binti Kudi, Dayang Hajjah Hamidah binti Haji Abdul Latif, Dayang Zaitun binti Haji Ahmad dan Dayang Maidah binti Haji Abdul Rahman.

Di malam ketiga Pertandingan Membaca Al-Quran itu, penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud.

Di samping itu majlis pada malam itu juga diserikan dengan syarahan khas yang disampaikan oleh Ustaz Zainal Arifin bin Haji Sharbini, Pensyarah Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan.

Bawa Kad Pengenalan atau Kad Perjanjian Perubatan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam mengingatkan orang ramai yang memerlukan rawatan di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha supaya membawa bersama-sama mereka Kad Pengenalan atau Kad Perjanjian Perubatan atau kedua-duanya sekali setiap kali mereka memerlukan rawatan.

Kerjasama dari orang ramai amat diperlukan bagi mempercepatkan lagi proses pendaftaran melalui Sistem Rekod Baru Berkomputer yang digunakan oleh Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha baru-baru ini.

Dengan itu juga akan memudahkan pesakit-pesakit berjumpa doktor seterusnya mendapatkan rawatan.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim semasa berucap di majlis tersebut. — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.

IBADAH HAJI DIKERJAKAN SAMBIL LEWA

Oleh Haniza Abdullah

JALAN TUTONG. — Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya berkata, akibat banyak kemudahan dan kesenangan menunaikan haji ketika ini telah menyebabkan pekerjaan tersebut dikerjakan sambil lewa dengan perasaan yang tawar dan tidak membuahkan banyak kesan.

Yang Dimuliakan Pehin berkata demikian ketika merasmikan Kursus Pengkursus Haji Bagi Tahun 1988,

kelolaan Jabatan Urusan Haji dan Perhubungan Muslim, Kementerian Hal Ehwal Ugama di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan di sini Sabtu lalu.

Yang Dimuliakan Pehin berkata, "Semakin banyak kemudahan dan kesenangan menunaikan haji itu telah sedikit sebanyak menyebabkan haji itu dikerjakan sambil lewa dengan perasaan tawar, tidak begitu mendalam perasaan khusyuk kerananya dan tidak membuahkan banyak kesan yang kita nampak, jauh daripada apa yang kita baca dalam kitab-kitab mengenai kesan-kesan ibadat haji kepada seseorang."

Menurut Yang Dimuliakan Pehin, paling lama kesan itu adalah 40 hari, sesudah itu kita dapati seseorang haji akan lupa akan janji dan doanya di Kaabah dan di Padang Arafah.

Ibadat haji adalah ibadat yang panjang masanya, ianya banyak memerlukan keperluan-keperluan seperti kewangan, kesihatan, jasmani dan pengetahuan yang baik tentang ibadat itu sendiri.

Sebab itu jelasnya, riwayat-riwayat orang zaman dahulu apabila mengerjakan haji, membawa seorang guru atau pakar untuk menasihati bagi mengerjakan ibadat itu dengan sempurna, untuk mendapatkan haji yang sah, haji yang mabrur dan sa'i yang diterima dan disyukuri Allah.

"Hal ini nampaknya jarang atau tidak lagi menjadi perhatian yang utama bagi ramai di antara jemaah-jemaah haji, pada masa ini. Ini bukan kerana mereka telah pandai tidak perlu lagi mempelajari hal-ehwal ibadat haji bahkan sebaliknya sebagaimana yang kita dapati ramai yang pergi

haji itu tidak tahu apa-apa pun mengenai haji," terangnya.

Dalam hubungan ini, Yang Dimuliakan Pehin berharap kepada pegawai-pegawai yang dilantik untuk mengendalikan kursus itu mengajar dan memberikan maklumat yang cukup kepada bakal-bakal haji seperti perkara ilmu-ilmu syariat dan hukum, tegah dan suruh, di samping perkara-perkara bagaimana mereka patut hormat kepada ibadat itu, sayang kepada gelaran haji dan cara mendapatkan haji yang mabrur.

"Selagi tidak dapat mereka memahami apa guna mengerjakan haji, apa faedahnya haji, apa-apa perkara yang berhubung dengan soal aqidah dari hal haji, maka adalah sangat susah kita hendak menyampaikan perutusan haji kepada mereka," jelas Yang Dimuliakan Pehin.

MEREKA YANG MEMAHAMI AL-QURAN SANGAT BERUNTUNG

KUALA BELAIT. — Dalam kehidupan kita yang serba mencabar dan semakin banyak kejadian yang memerlukan bimbingan dan petunjuk, maka mereka yang mendalami dan memahami kitab suci Al-Quran akan berasa beruntung kerana di dalam kitab tersebut cukup lengkap mengandungi pengajaran, garis pandu, contoh dan teladan.

Pemangku Pengerusi Lembaga Bandaran, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad menyatakan demikian semasa merasmikan majlis pertandingan membaca kitab suci Al-Quran peringkat akhir bahagian dewasa di daerah itu di Dewan Kemasyarakatan di daerah tersebut pada hari Khamis, 31 Disember lepas.

Oleh Dk. Saidah POA

Seterusnya Awang Haji Maidin berkata, sebagai seorang yang beragama Islam kita berkewajipan mengetahui sedikit sebanyak ajaran Al-Quran walaupun kita ditakdirkan termasuk golongan yang bukan berbangsa Arab.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk berusaha mempelajari serta memberi makna dan pengertian yang betul yang mana ini berkait rapat dengan sembahyang lima waktu, dengan demikian mudah-mudahan amal kita diterima oleh Allah Subhanahu Wataala," tegas beliau.

Sebelum itu Pemangku Kadi daerah itu, Awang Haji Mohd. Lazim bin Haji Matali telah berucap di majlis tersebut.

Seramai lapan orang peserta mengambil bahagian termasuk empat orang peserta wanita. Pemenang bahagian qari ialah Awang Md. Daud bin Haji Abdul Kadir sementara pemenang bahagian qariah ialah Dayang Amidah bte Ghaffar. Kedua-dua mereka adalah terpilih bagi mewakili daerah itu bagi peringkat negara yang akan diadakan kemudian.

Di majlis tersebut syarahan khas telah disampaikan oleh wakil Kementerian Hal Ehwal Ugama, Ustaz Zainal Ariffin bin Haji Sharbini dan persembahan qasidah oleh Awang Abdul Rahman bin Malik.

SEBAHAGIAN daripada para peserta kursus dan hadirin di majlis pembukaan rasmi kursus tersebut (kanan). — Gambar oleh Pg. Abu Bakar PHO.



PEMANGKU Pengerusi Lembaga Bandaran Daerah Belait, Awang Haji Maidin bin Haji Ahmad ketika berucap merasmikan pertandingan membaca Al-Quran peringkat akhir bahagian dewasa di Daerah Belait.



PEMENANG Bahagian Qari, Awang Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir ketika memperdengarkan bacaannya.



SEBAHAGIAN dari para penonton yang hadir menyaksikan pertandingan tersebut. — Gambar-gambar sekitar pertandingan ini oleh Harun Rashid.



16 LAGI ANGGOTA ABDB DINAIKKAN PANGKAT

PERKEMAHAN BERAKAS.

— Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat 16 orang pegawai Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bermula pada 1 Januari tahun ini.

Yang Dimulikan Pehin Datu Paduka Raja Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Awang Shari bin Ahmad, Pengarah Perisikan Kementerian Pertahanan dan Yang Dimulikan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak bin Haji Abdul Hamid, Pegawai Pemerintah Batalion Pertama dinaikkan ke pangkat Kolonel Tetap.

Penolong Pegawai Pemerintah Batalion Pertama, Mejar Haji Abdul Aziz

Oleh Ahat Haji Ismail

bin Abdullah dan Ejutan Garison Bolkih, Mejar Othman bin Haji Hasbollah masing-masing dinaikkan ke pangkat Pemangku Leftenan Kolonel.

Seramai 5 orang Kapten iaitu Kapten Mohd Ali bin Haji Yahya, Kapten Sharifudin bin Pehin Dato Haji Mohammad, Kapten Hasnan bin Haji Awang Abdullah, Kapten Haji Jasmi bin Haji Abu Bakar dan Kapten Napiah bin Haji Paijan masing-masing dinaikkan ke pangkat Mejar Tetap manakala 6 orang Kapten lagi iaitu Kapten Mohammad Rashid bin Asut, Kapten Pg Rambli bin Pg Bunut, Kapten Rosli bin Ahmad, Kapten Pg Ramlee bin PSR Pg. Haji

Jaya, Kapten Hamid bin Nayan dan Kapten Joharie bin Haji Metussin dinaikkan ke pangkat Pemangku Mejar.

Sementara itu Leftenan Muda Zainal bin Haji Dullah dinaikkan ke pangkat Leftenan Penuh.

Upacara kenaikan pangkat pegawai-pegawai itu telah disempurnakan oleh Ketua Turus ABDB, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad bin Haji Daud, dalam satu upacara menyemat lencana di Mess Pegawai Berakas Garison.

Sejurus selepas selesai upacara menyemat lencana itu, doa selamat kesyukuran telah dibacakan oleh Pegawai Ugama Kanan ABDB, Ustaz Haji Abdul Aziz bin Haji Apong.



KETUA Turus ABDB, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad menyematkan lencana kenaikan pangkat kepada Yang Dimulikan Pehin Datu Perkasa Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak (atas) dan Mejar Mohd. Ali Haji Yahya (bawah). — Gambar oleh Pg. Abu Bakar.



Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak

PUSAT PERHENTIAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Rendah Serasa	6.1.1988	Rabu	9.45-10.15 pagi
Sekolah Rendah Mentiri	6.1.1988	Rabu	10.30-11.00 "
Sekolah Rendah Sultan Abd Bubin Sg Besar	6.1.1988	Rabu	11.15-11.45 "
Sekolah Rendah Pulaie	6.1.1988	Rabu	9.30-10.30 "
Sekolah Rendah Lumut dan Sungai Liang	7.1.1988	Khamis	10.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Rampayuh dan Labi	7.1.1988	Khamis	10.00-12.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Yusuf Katimahar	9.1.1988	Sabtu	8.30- 9.30 pagi
Penjara Jerudong	9.1.1988	Sabtu	9.45-10.45 "
Sekolah Rendah Mulaut	9.1.1988	Sabtu	11.00-12.00 tengah hari
Sekolah Rendah Birau	9.1.1988	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Rendah Kiudang	9.1.1988	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Rendah Lamunin	9.1.1988	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Rendah Haji Md Salleh Sungai Hanching	11.1.1988	Isnin	8.45- 9.45 pagi
Sekolah Rendah Kiarong	11.1.1988	Isnin	8.30-10.30 "
Sekolah Rendah Tutong Kem	11.1.1988	Isnin	9.30-10.30 "
Sekolah Inggeris Berakas (Bhg Menengah)	12.1.1988	Selasa	9.15-10.15 "
Sekolah Rendah Angerek Desa Berakas	12.1.1988	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Ugama Haji Md Jaafar Kg Kiulap	12.1.1988	Selasa	2.45- 3.15 petang
Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata Gadong	12.1.1988	Selasa	3.30- 4.30 "
Sekolah Persediaan Inggeris Sengkuring	12.1.1988	Selasa	4.30- 5.00 "



Harga barang-barang keperluan

SEPERTI biasa di bawah ini dicatatkan beberapa jenis barang-barang keperluan sehari-hari yang boleh didapati dijual dengan harga yang sederhana rendah di kedai-kedai Bandar Seri Begawan, Tutong, Kuala Belait dan Seria. Adalah diingatkan kepada orang ramai bahawa barang-barang berikut di bawah ini bermula pada 29 Disember, 1987.

BANDAR SERI BEGAWAN 2085

- 1) Udang Kering 1 kilogram \$12.80/1 kati \$9.00.
 - a) Kedai Kim Seng Choon No. 6, Jalan McArthur.
- 2) Kacang Tanah 1 kilogram \$2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Kedai Chop Ken Ken B2 Jalan Robert.
 - b) Kedai Chop Hen Long No. 31, Jalan Sultan.
- 3) Makanan Ayam Gemuk 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Liong Chuan Jalan McArthur.
 - b) Chop Chin Seng No. 26 Jalan Sultan.

TUTONG 5082

- 1) Udang Kering 1 kilogram \$16.50/1 kati \$10.00.
 - a) Kedai Lim Kian Seng No. 3 Jalan Enche Awang.
- 2) Kacang Tanah 1 kilogram \$2.40/1 kati \$1.30.
 - a) Kedai Soon Lee Mini Mart No. 1 Jalan Enche Awang.
 - b) Chop Tong Huat No. 17 Jalan Enche Awang.
- 3) Makanan Ayam Gemuk 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Chop Wah Kee No. 6 Jalan Enche Awang.

SERIA 7087

- 1) Udang Kering 1 kilogram \$16.50/1 kati \$10.00.
 - a) Chop Siong Yick No. 54 Jalan Bunga Kuning.
- 2) Kacang Tanah 1 kilogram \$2.15/1 kati \$1.30.
 - a) Kedai Chin Siong Hin No. 3 Jalan Sultan Omarali.
 - b) Kedai Soon Kheng No. 52 Jalan Bunga Kuning.
- 3) Makanan Ayam Gemuk 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Haji C. A. Mohammad No. 51 Jalan Bunga Kuning.
 - b) Chop Siong Yick No. 54 Jalan Bunga Kuning.

KUALA BELAIT 6083

- 1) Udang Kering 1 kilogram \$16.50/1 kati \$10.00.
 - a) Kedai Chop Haw Min, Chinese Chamber of Commerce.
 - b) Kedai Yick Guan No. 3, Jalan Pretty.
- 2) Kacang Tanah 1 kilogram \$2.00/1 kati \$1.20.
 - a) Kedai Chop Haw Min Chinese Chamber of Commerce.
- 3) Makanan Ayam Gemuk 1 kilogram \$1.00/1 kati 60 sen.
 - a) Kedai Koh Kit Hin No. 28, Jalan Pretty.
 - b) Kedai Eng Soon Heng, No. 58, Jalan Pretty.



DUA orang pegawai dari Kementerian Kewangan Negara Brunei Darussalam telah menamatkan kursus singkat dua minggu mengenai ASEAN Trade Commissioner di Sydney, Australia dalam bulan Disember lepas.

Awang Razak bin Haji Anggas dan Dayang Hasmah binti Haji Yaakub telah menjalani kursus yang meliputi aktiviti-aktiviti perdagangan termasuk polisi perdagangan, pasaran antarabangsa, memajukan dan publisiti perdagangan dan operasi umum. Kursus tersebut dikelolakan oleh International Trade Development Centre (ITDC), Australia.

Semasa kursus tersebut mereka juga dibawa melawat pusat peralatan Syarikat Penerbangan Qantas di Lapangan Terbang Antarabangsa Sydney sambil mempelajari kaedah-kaedah eksport melalui pengangkutan

udara. Dalam gambar kelihatan Dayang Hasmah dan Awang Razak bersama Awang Mike Simpson, Pegawai Kargo Qantas

(kiri sekali) dan Awang Tom Sinkovits, Timbalan Pengarah ITDC. — Gambar ihsan Suruhannya Tinggi Australia di Brunei Darussalam.

Peraduan Menulis Surat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perkhidmatan Pos Negara Brunei Darussalam sedang menganjurkan Peraduan Menulis Surat untuk remaja yang terbuka kepada penuntut-penuntut sekolah yang berumur 11 hingga 15 tahun.

Peraduan ini adalah bersempena dengan Hari Pos Sedunia yang jatuh pada tiap-tiap bulan Oktober dan akan ditutup pada 19 Februari, 1988.

Antara lain tujuan peraduan ini ialah untuk meng-

galakkan kalangan penuntut-penuntut sekolah berutus surat.

Borang penyertaan boleh di-dapati daripada Bahagian Peti Surat, Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan atau di Bahagian ECA sekolah masing-masing.

Keterangan lanjut boleh di-dapati daripada:

Setiausaha Penganjur, Penolong Ketua Pos Agung (ASK) Pejabat Besar Pos, Bandar Seri Begawan 2050. Tel: 43101 atau 43104 sambungan 144.

Buku-buku terbitan Jabatan Penerangan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pejabat Penerangan, Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri telah menerbitkan beberapa buah buku sepanjang tahun lepas.

Antara buku-buku tersebut ialah buku Laporan Tahunan 1983 — 1984 yang boleh diperolehi dalam Bahasa Melayu atau Inggeris dan dijual dengan harga \$15.00 senaskah.

Antara buku-buku kecil yang juga telah siap penerbitannya ialah buku Hasrat Negara. Bersama Rakyat di Mukim Gadong, Bersama Rakyat di Mukim Pekan Tutong, Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien Dalam Kenangan dan buku sambutan Perayaan Ulangtahun Ketiga Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Hasrat Negara mengandungi titah-titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan sembah-sembah ucapan sempena hari keputeraan baginda ke-40 tahun.

Buku Bersama Rakyat di Mukim Gadong dan Bersama Rakyat di Mukim Pekan Tutong mengandungi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika berangkat ke mukim-mukim berkenaan dan juga diselitkan dengan gambar-gambar baginda di sekitar lawatan-lawatan tersebut.

Sementara itu, buku Al-Marhum Sultan Haji Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddien Dalam Kenangan mengandungi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, serta gambar-gambar Al-Marhum.

Selain itu, jabatan tersebut juga menerbitkan buku kecil Brunei Darussalam In Brief dan Selamat Datang yang juga boleh diperolehi dengan percuma. Manakala beberapa buah buku lagi sedang dalam proses penerbitan.

JUARA-JUARA BINTANG RTB 1987

Oleh Bolhassan HAB

BERAKAS. — Salmiah Haji Hasbollah, pasangan Suhaimi dan Noraini serta persembahan suara samar oleh Mustafa Haji Kassim masing-masing menjuarai Bintang RTB 1987 dalam tiga kategori yang berasingan.

Salmiah yang membawakan sebuah lagu wajib ciptaan penggubah tempatan menerima sebuah oskar rebutan beserta \$2,000 dan piala iringan setelah berjaya mengalahkan lima peserta lain bagi Kategori Satu iaitu nyanyian solo.

Manakala tempat kedua ialah Roslim Mohd. Daud menerima \$1,500 dan sebuah piala iringan. Menduduki tempat ketiga, Jofrey Haji Abdul Rahman menerima \$1,000 juga sebuah piala iringan.

Pertandingan Bintang RTB yang diadakan secara langsung dari Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada malam Sabtu lepas itu adalah cantuman daripada tiga pertandingan iaitu Mutika, Aslirama dan Talentime.

Sementara dalam Kategori Dua, nyanyian padu suara yang dijuarai oleh pasangan Suhaimi dan Noraini telah mengondol hadiah \$2,000 beserta oskar rebutan dan piala iringan. Tempat kedua dimenangi oleh pasangan Fathan dan Hanizah yang menggelar diri mereka sebagai Maneeza. Menduduki tempat ketiga ialah The We dari pasangan duet Rosidah dan Tuty Noryani.

Tempat kedua dan ketiga dalam Kategori Dua masing-masing menerima hadiah sejumlah \$1,500 dan \$1,000 dan juga sebuah piala iringan.

Dalam Kategori Tiga iaitu bahagian adu bakat, persembahan suara samar oleh Mustafa Haji Kassim berjaya menduduki tempat



SETIAUSAHA Tetap, Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Ahmad bin Dato Matnor menyampaikan Oskar Rebutan kepada pemenang kategori satu Bintang RTB 1987, Dayang Salmiah binti Hajjah Hasbollah. — Gambar oleh Harun Rashid.

pertama setelah mengalahkan empat orang peserta lain. Mustafa menerima hadiah \$1,500, sebuah oskar rebutan dan piala iringan.

Halif Haji Mohammad dengan kebolehannya bermain Alto Saxophone berjaya menduduki tempat kedua dan menerima \$1,000 dan sebuah piala iringan. Tempat ketiga dimenangi oleh Othman Apang yang menerima \$500 dan sebuah piala iringan.

Penyampaian hadiah-hadiah telah disempurnakan oleh Awang Haji Ahmad bin Dato Matnor, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri.

Pertandingan tersebut adalah anjuran Radio Televisyen Brunei dihasratkan untuk menampilkan bakat para artis tempatan dalam berbagai bidang.

Lebih 5,000 orang oleh artis undangan dari Malaysia, Kumpulan Alleycats.



BEKAS Pemerintah Batalion Pertama, Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak bersalaman dengan Mejar Haji Abdul Aziz, Pegawai Pemerintah yang baru di istiadat serah-menyerah tugas. — Gambar oleh Harun Rashid.

Pegawai Pemerintah yang baru Batalion Pertama

BERAKAS. — Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei kini mempunyai Pegawai Pemerintah yang baru bermula 4 Januari, 1988.

Mejar Haji Abdul Aziz bin Abdullah, sebelumnya memegang jawatan Penolong Pegawai Pemerintah, Batalion Pertama telah dilantik menjawat jawatan Pegawai Pemerintah Batalion Pertama, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi menggantikan Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak yang telah memegang jawatan itu sejak 10 Jun, 1986 lalu.

Majlis serah-menyerah tugas itu berlangsung di Padang Kawat Berakas Garison di sini pada Isnin lalu. Sebelum menandatangani penyerahan tugas itu, Yang Dimuliakan Pehin Datu Perkasa Leftenan Kolonel Dato Seri Laila Jasa Ishak, terlebih dahulu memeriksa perbarisan dan menerima tabik kehormatan dari lebih 300 orang anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam satu perbarisan berjalan lalu.



PERSATUAN Penuntut-penuntut Brunei Darussalam di Sunderland, United Kingdom bergiat dalam pentas budaya untuk mengenalkan negara ini, rakyat dan kebudayaannya kepada masyarakat barat khususnya di Britain. Di samping itu mereka juga sering mengadakan lawatan ke negeri-negeri dalam Britain di mana penuntut-penuntut Brunei belajar untuk berkenalan mesra dan merapatkan silaturahmi.

Pada bulan Disember lepas persatuan tersebut telah mengadakan mesyuarat agungnya untuk merancang kegiatan tahunan dan melantik ahli-ahli jawatankuasa baru. Dalam gambar kelihatan ahli-

Kegiatan Penuntut Brunei di luar negeri

ahli jawatankuasa yang baru dilantik yang terdiri dari Awang Haji Bahmin Haji Hamda, Yang Dipertua; Awang Md. Roslan Shah Mudjuno; Timbalan Yang Dipertua; Dayang Zubaidah Mahmud, Bendahari; Dayang Normah Haji Ibrahim, Naib Bendahari; Pg. Taib Pg. Haji Karim, Pegawai Entertainment; Ak. Duraman Pg. Ahmad, Timbalan Pegawai Entertainment; Awang Omar Hj. Sirat; Awang Haji Adi Marhaen Haji Leman, Pegawai Sukan dan Awang Haji Ibrahim Haji Yassin, Timbalan Pegawai Sukan.

Mesyuarat agung

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pemancaran Amatir Radio Negara Brunei Darussalam akan mengadakan mesyuarat agungnya pada 17 Januari, 1988 jam 10.30 pagi di Bilik Mesyuarat Majlis Belia-Belia, Pusat Belia di ibu negara.

Ahli-ahli persatuan itu diminta hadir ke mesyuarat tersebut.

rtb Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini: BINTANG RTB

AWAL tahun baru 1988 hampir seminggu sudah kita lalui. Dengan sikap dan azam yang serba baru pula tahun ini akan kita hadapi dengan kemahuan yang lebih tinggi dari tahun-tahun sebelumnya. Walau apa juga kerja yang kita usahakan, perkhidmatan yang diberikan itu biarlah merupakan satu sumbangan yang bernilai dan bermanfaat, terutamanya kepada bangsa, agama dan negara.

Berhubung dengan soal perkhidmatan ini kami ingin menoleh sejenak ke belakang, melihat beberapa projek yang telah dilaksanakan oleh Radio Televisyen Brunei pada tahun 1987. Kami ingin menyentuh balik berhubung dengan projek 'Bintang RTB 1987', yang merupakan projek di penghujung tahun 1987 dilaksanakan oleh Radio Televisyen Brunei. Seterusnya, sebagai klimaksnya pertandingan tersebut dilangsungkan pula pada 2 Januari, 1988 yang baru lalui.

Sebagai media kerajaan yang memikul serta melaksanakan tanggungjawab yang agak luas, terutamanya di segi memberikan maklumat, mendidik dan juga menghibur rakyat dan penduduk-penduduk di negara ini Radio Televisyen Brunei telah pun memenuhi kehendak-kehendak tersebut. Pada hemat kami pelbagai rancangan radio dan juga televisyen di negara kita telah dapat memberikan suatu kepuasan bagi deria dengar dan juga visual awda.

Untuk memenuhi kehendak kemajuan di bidang seni di negara kita ini media Radio Televisyen Brunei juga turut menyelaraskan setiap rancangannya. Ini jelas sekali di dalam pertandingan-pertandingan hiburan dan muzik. Justeru itu, maka lahirlah pertandingan 'Bintang RTB 1987,' seperti yang disentuh di atas tadi.

Apakah matlamat sebenar rancangan pertandingan 'Bintang RTB 1987' ini dilaksanakan? Sebenarnya ada beberapa matlamat rancangan baru ini diadakan. Di antaranya ialah untuk mengagungkan corak pertandingan nyanyian peringkat dewasa yang telah diadakan sebelumnya, iaitu se-

perti Mutika, Aslirama dan Talente.

Di samping itu, di dalam pertandingan ini dimasukkan juga beberapa peraduan bakat seni seperti nyanyian solo, padu-suara, permainan alat muzik solo dan permainan silap mata. Menerusi pertandingan ini pula berbagai bakat seni dapat dicungkil dan ditampilkan, terutamanya bagi persembahan-persembahan pentas, radio dan juga televisyen. Malahan, pertandingan ini juga dihasratkan sebagai satu langkah ke arah penyertaan-penyertaan para artis tempatan, ke pertunjukan-pertunjukan dan pertandingan-pertandingan serantau dan juga antarabangsa nanti.

Seperti yang dijelaskan tadi bahawa pertandingan 'Bintang RTB 1987' merupakan projek terbaru, yang dilaksanakan di penghujung tahun 1987 dan sehinggalah ke saat-saat klimaksnya pada 2 Januari, 1988. Seperti yang sudah-sudah, setiap apa jua pertandingan yang dianjurkan oleh Radio Televisyen Brunei, pasti ianya menarik minat kepada orang ramai. Justeru itu, pada penyertaan awal pertandingan ini lebih daripada 100 orang bakat-

bakat penyanyi, pemuzik dan juga pemain silap mata telah beradu kebolehan masing-masing. Bilangan penyertaan tersebut amat menggalakkan sekali buat pertama kali pertandingan ini diadakan pada akhir tahun 1987.

Sebagai penonton televisyen ataupun pendengar radio, awda tentu telah mengikuti setiap persembahan-persembahan yang telah dipertunjukkan. Kami harap pertandingan 'Bintang RTB 1987' ini akan memberikan kepuasan sebagai salah satu rancangan hiburan. Malah, ianya juga akan dapat meningkatkan prestasi para penyanyi dan pemuzik di negara ini bagi berbagai-bagai penyertaan dalam dan luar negeri.



Sandiwara Radio: "PERGOLAKAN"

SIFAT iri hati atas kemajuan seseorang itu memang selalu menyelubungi perasaan orang yang tidak mengenal puas hati dan enggan berusaha untuk memperbaiki dirinya. Inilah yang ditimbulkan oleh penulis Halimah Yaman, Negara Brunei Darussalam untuk keluaran Sandiwara Radio

Minggu Ini yang bertajuk "PERGOLAKAN."

Dalam usahanya yang tidak putus-putus untuk memajukan persatuannya, Ramli watak utama dalam sandiwara ini sentiasa mementingkan kerja-kerja persatuan walaupun pada waktu dia seharusnya bersama keluarganya. Ini serba-sedikit telah menim-

bulkan kebimbangan pada isterinya sendiri kerana khuatir urusan rumah-tangga akan diabaikan.

Walaupun usaha Ramli yang baik itu mendapat sambutan dari beberapa orang ahli persatuan seperti Wenny dan Liza, persatuan itu terpaksa juga menghadapi musim kemuramannya bila Rahman dan Rashid bertindak yang di luar dari undang-undang persatuan.

Tidak memadai dengan menghancurkan kewangan persatuan itu, malah Rashid dan Rahman bertindak lebih jauh untuk menyingkirkan Wenny dari persatuan itu bila sifat kejujuran Wenny ternyata menggugat kedudukan mereka.

Dengan kepintaran Rashid menjalankan jarum jahatnya, Wenny pun mengundurkan diri dari persatuan tersebut. Dan tindakan Rashid seterusnya ialah untuk menghancurkan persatuan itu pada keseluruhannya.

Berjayakah Rashid dan Rahman melaksanakan niat buruk mereka itu? Atau mungkinkah ada orang yang dapat menghalang perbuatan buruk mereka dan seterusnya menyelamatkan persatuan tersebut? Untuk mengetahui lanjutannya, para pendengar adalah dipersilakan untuk mengikuti siarannya pada 10 Januari, 1988, jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Md. Shah Haji Salleh.

Promo Drama Tv:

"Sayang Disayang"

DRAMA yang berjudul 'SAYANG DISAYANG' menceritakan kisah seorang janda bernama Sinah yang tinggal di sebuah kampung dengan kehidupan yang susah.

Dalam keadaan kesempitan hidup dan serba kekurangan itu, dia hanya dapat mengharap anak lelakinya bernama Ludin yang sedang menuntut di salah sebuah Sekolah Menengah di bandar dapat mengubah nasib mereka.

Harapan ibu yang malang itu hancur berkecai apabila Ludin anak tertua yang diharapkan itu lebih mengikut perasaan hati seorang remaja, mahu lepas bebas dari tanggungjawab, pemalas, degil dan nakal sehingga pelajaran diabaikan.

Apabila keseronokan dan cara hidup di bandar sudah membosankan, Ludin kembali ke kampung halamannya tanpa membawa sebarang perubahan malah menjadi beban kepada keluarganya.

Drama 'Sayang Disayang' ini ditulis oleh Dy. Norsiah Abdul Gapar, diarah dan diterbitkan oleh Abdul Rahman Hj Salim. Drama ini sedang dalam penggambaran.

Gambar atas merakamkan ketika penggambaran drama 'Sayang Disayang' diadakan.

Mari Memasak:

KOYABU UBI KAYU

BAHAN-BAHANNYA :—

- 1 kilogram ubi kayu
- 1 biji kelapa dikisar
- ½ sudu teh garam
- ½ sudu teh vanilla
- 250 gram gula melaka dipotong-potong halus
- daun pisang untuk pembungkusan.

CARA MEMBUATNYA :—

1. Ubi kayu yang sudah dikisar halus ditambahkan air kemudian diperah airnya untuk menghilangkan pahit ubi kayu air perahan diambil pa-

tinya dan dicampurkan ke dalam kisan ubi kayu.

2. Ubi kayu yang sudah siap diperah dicampur dengan sebahagian kelapa yang diparut, masukkan garam dan kacau hingga rata.

3. Siapkan 1 potong daun pisang yang sudah dibersihkan terlebih dahulu, kemudian letakkan 1 atau 2 sudu gula melaka, kemudian ambil 1 atau 2 sudu adonan ubi kayu tutupkan di atas gula melaka.

4. Bungkus sehingga membentuk tiga segi dan sematkan dengan lidi.

5. Kukus selama 45 minit sampai koyabu ubi kayu masak.

6. Hidangkan dengan kelapa parut yang telah dikukus sebelumnya dan tambahkan sedikit garam.

Bola-Bola Ubi Keladi

BAHAN-BAHANNYA :—

- 750 gram ubi keladi dikupas, dan diparut kasar
- 250 ml santan diambil dari ½ biji kelapa
- 250 gram udang yang sudah dikupas, cincang halus
- 1 biji telur
- minyak untuk penggoreng.
- Rempah untuk digiling :
 - 1½ sudu teh ketumbar
 - 3 ulas bawang putih
 - 4 biji bawang merah
 - ½ sm cekur
 - sedikit garam.

CARA MEMBUATNYA :—

Campurkan 2/3 bahagian ubi keladi bersama santan dan rempah yang sudah dihaluskan. Masak di atas api kecil dan kacau sekali-sekala.

Kuih Kaca Mata

BAHAN-BAHANNYA :—

- 1 kilogram ubi kayu
- ½ biji kelapa agak muda (diparut)
- 200 gram gula putih
- 10 biji pisang Sabah
- pewarna kuih warna merah sedikit garam
- daun pisang untuk pembungkusan.

CARA MEMBUATNYA :—

Ubi kayu dikupas lalu dikisar. Kelapa yang diparut dicampurkan dengan ubi kayu

yang dikisar atau diparut. Tambahkan gula putih, garam dan pewarna kuih, kacau hingga rata. Bahagi adonan jadi 8 atau 10 bahagian.

Ambil 1 bahagian, isi tengahnya dengan 1 biji buah pisang kemudian bungkus dengan daun pisang.

Kukus sampai matang, kira-kira 45 minit.

Jika sudah sejuk kupas, kemudian potong setebal 2 sm dan taburkan kelapa parut di atasnya.

RANCANGAN

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

TV MINGGU INI

RABU 6 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 ADVENTURES OF LITTLE KOALA
- 5.00 A WHOLE WORLD OF CHILDREN: "Philippines: Sweden" Episod kali ini memperlihatkan 30 orang budak yang menguruskan perjalanan keretapi di Los Banios dan bersiar ke sebuah taman yang paling besar dan cantik di Manila. Kemudian akan dibawa ke Sweden melihat sekolah kebajikan orang-orang cacat di sana.
- 5.25 DEFENDERS OF THE EARTH: "Draculas Potion"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THE COSBY SHOW
- 6.22 AZAN MAGHRIB
- 6.27 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.37 PLANTS FOR FREE: "Seed" Bhg. II

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 FAMILY TIES: "My Back Pages"
- 7.36 AZAN ISYAK
- 7.42 FAMILY TIES — sambungan
- 8.05 RAGS TO RICHES: "Bad Blood" Setelah lama hilang, Frankie muncul mengganggu saudara lelakinya, Nick yang asyik dengan gadis-gadis tetapi semuanya menjadi baik bila Nick mengetahui Frankie hanya mempunyai masa yang pendek untuk hidup.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT PELITA
- 9.30 LIPUTAN NASIONAL
- 10.00 TOP OF THE POPS
- 10.30 THAT'S MY BOY: "Hello Young Mothers"
- 11.00 DYNASTY: "The Siege" (Siri baru)
- 11.55 SIARAN TAMAT.

KHAMIS 7 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.30 DANGER BAY
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DANGER BAY — sambungan
- 6.00 CHEMISTRY IN ACTION
- 6.22 AZAN MAGHRIB
- 6.27 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.37 SUPERGRAN


MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 THE CHARMINGS
- 7.37 AZAN ISYAK
- 7.42 THE CHARMINGS — sambungan
- 8.05 HUNTER: "High Noon In L.A." Hunter menerima ancaman bunuh oleh seorang pegawai dari konsulat asing yang pamarah yang berazam membalas dendam atas kematian saudara lelakinya.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 HIDAYAT
- 9.55 DUNIA MINGGU INI
- 10.25 DEMPSEY AND MAKEPEACE: "Bloody Money"
- 11.15 TAYANGAN GAMBAR
- 12.50 SIARAN TAMAT.

JUMAAT 8 Jan.

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 12.02 AL-QURAN
- 12.10 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.14 BIMBINGAN ISLAM — ulangan
- 12.25 HIDAYAT — ulangan



SEBUAH siri baru "INSIDE STORY" yang mengandungi 6 episod yang akan dapat awdaaksikan pada tiap-tiap hari Jumaat kira-kira jam 8.05 malam. Pelakon utama siri ini (dari kiri) Douglas Lambert, Harry Andrews, Roy Marsen dan A. Macnaughton.

- 12.45 AZAN SEMBAHYANG FARDU JUMAAT
- 12.50 HIDAYAT — sambungan
- PETANG
- 1.00 EARTH (Siri baru)
- 1.50 SABER RIDER AND THE STAR SHERIFFS
- 2.15 SUKAN DUNIA
- 3.15 MASK: "Clighanger"
- 3.40 AL-KISAH
- 3.50 AZAN ASAR
- 3.55 AL-KISAH — sambungan
- 4.00 CAREBEARS: "Grumpy's Three"
- 4.25 PROJECT U.F.O.: "Superstition Mountain Incident"
- 5.15 BITS AND PIECES
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 THREE UP TWO DOWN: "Winner Takes All"
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.28 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.38 THE MAKING OF... "The House"

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 REKASENI — ulangan
- 7.37 AZAN ISYAK
- 7.42 REKASENI — sambungan
- 8.05 INSIDE STORY (Siri baru)
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 DOKUMENTARI JABATAN-JABATAN KERAJAAN DI BAWAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN: "Bahagian Kebajikan Masyarakat JKBS"
- 10.20 FALCON CREST: "Battle Lines"
- 11.20 SIARAN TAMAT.

SABTU 9 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SESAME STREET
- 5.25 WORLD OF SURVIVAL: "Bird Of Nine Colours"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 TOGETHER WE STAND: "Socks And Bonds"
- 6.23 AZAN MAGHRIB
- 6.28 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA

- 6.35 MY LITTLE PONY AND FRIENDS
- MALAM
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 PERFECT STRANGERS: "Life Savers"
- 7.37 AZAN ISYAK
- 7.42 PERFECT STRANGERS — sambungan
- 8.05 HOT SHOTS: "Riots" (Episod akhir)
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Kerana Dia"
- 10.55 HIBURAN TEMPATAN: PERSEMBAHAN PANCARAGAM
- 11.55 THE EVIL TOUCH
- 12.50 SIARAN TAMAT.

AHAD 10 Jan.

PAGI

- 9.00 PEMBUKAAN
- 9.02 AL-QURAN
- 9.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 9.15 MICKEY AND DONALD: "Thru The Mirror"
- 9.40 THE CALTAR AND THE GOLDEN LANCE
- 10.00 RAMPAI PAGI
- 11.00 TAYANGAN GAMBAR
- TENGAH HARI
- 12.00 BERITA TENGAH HARI
- 12.15 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 12.30 AZAN ZUHUR
- 12.35 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 12.50 MUSICAL: VARIETE VARIETE ROTTERDAM

PETANG

- 1.40 BIG LEAGUE SOCCER
- 2.40 TAYANGAN GAMBAR
- 3.51 AZAN ASAR
- 3.56 TAYANGAN GAMBAR — sambungan
- 4.15 SILVERHAWKS: "Undercover"
- 4.45 GILLETE WORLD OF SPORTS SPECIAL
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.55 CENTURIONS
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.29 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.35 ONE BIG FAMILY: "Stagestruck"
- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DADS: "The Thing's On Allen's Nose"
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.43 DADS — sambungan
- 8.05 HOUSTON KNIGHTS: "Houston's Hero"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 SUDUT ASIA
- 9.55 HIBURAN MINGGU INI
- 10.15 STRONG MEDICINE
- 11.05 THE HITCH HIKER: "Petty Thieves"
- 12.10 SIARAN TAMAT.

ISNIN 11 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 BITS AND PIECES: "Clocks"
- 4.45 ONCE UPON A TIME... MAN: "The First Empires"
- 5.20 DISAPPEARING WORLD: "The Kayapo Of Gorotire"
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 DISAPPEARING WORLD: sambungan
- 6.24 AZAN MAGHRIB
- 6.29 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.39 MOON JUMPER

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 DIFFERENT STROKES: "Sam's Missing"
- 7.38 AZAN ISYAK
- 7.43 DIFFERENT STROKES — sambungan
- 8.05 T. J. HOOKER: "To Kill A Cop"
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 LIPUTAN NASIONAL
- 9.55 SUPERSTAR OF WRESTLING
- 10.50 TAYANGAN GAMBAR
- 12.30 SIARAN TAMAT.

SELASA 12 Jan.

PETANG

- 4.15 PEMBUKAAN DAN LAGU KEBANGSAAN
- 4.17 AL-QURAN
- 4.27 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.30 SEABERT
- 4.40 SQUARE ONE
- 5.10 THE ADVENTURES OF TEDDY RUXPIN: "The Faded Fobs"
- 5.35 KONSERT SEKOLAH-SEKOLAH
- 5.45 RINGKASAN BERITA
- 5.50 KONSERT SEKOLAH-SEKOLAH — sambungan
- 6.25 AZAN MAGHRIB
- 6.30 AL-QURAN DAN TERJEMAHANNYA
- 6.40 THE NEW ADVENTURES OF BEAN BAXTER

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.17 BIMBINGAN ISLAM
- 7.27 MARI MEMASAK (Resipi masakan ini ada dimuatkan di muka lain akhbar ini).
- 7.39 AZAN ISYAK
- 7.44 MARI MEMASAK — sambungan
- 8.05 AIRWOLF: "Flower Of The Mountain" St. John Hawke menjadi sasaran pembunuhan upahan dan bersembunyi di sebuah rumah kecil di atas gunung dan bertemu dengan seorang perempuan yang terperangkap dalam ribut salji. Dan untuk menyelamatkan perempuan itu St. John Hawke terpaksa hubungi Airwolf dan memberitahu tempat persembunyiannya.
- 9.00 WARTA BERITA
- 9.25 BELIA
- 9.45 ARENA SUKAN
- 10.45 FLOODTIDE: "The Call"
- 11.45 SIARAN TAMAT.

ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI KEMENTERIAN PERTAHANAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



***PENGAMBILAN LELAKI KE-75
BERAKHIR PADA 23 MEI 1988***

**SATERIA GAGAH DISANJUNG BANGSA DAN NEGARA
NEGARA AKAN BERBANGGA MEMPUNYAI PEMUDA GAGAH YANG SATERIA**



BERKHIDMATLAH DENGAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Mendaftarliah kepada
Pejabat Pengambilan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkihah
Negara Brunei Darussalam

Nama :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Umur :

Alamat Sekarang :

Kelulusan Sekolah :

Nama Ayah / Penjaga :

No. Kad Pengenalan : Warna :

Tarikh Lahir : Tempat Lahir :

Alamat Sekarang :

No. Telefon Rumah/Pejabat :

Tandatangan : Tarikh :

**NEGARA AMAN MAKMUR RAKYAT HIDUP BAHAGIA
KEAMANAN DAN KEMAKMURAN NEGARA TERLETAK
DI TANGAN AWDA**

SYARAT-SYARAT YANG DIKEHENDAKI

1. Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
2. Awang-Awang mestilah lulus sekurang-kurangnya Darjah 6 Melayu atau yang sebanding dengannya.
3. Berumur 17½ tahun hingga 25 tahun, bujang atau beristeri.
4. Berat tidak kurang 47.55 kg, tinggi tidak kurang dari 1.55 meter dan berbadan sihat.
5. Awang-Awang mestilah lulus pemeriksaan perubatan dan ujian pelajaran yang diadakan oleh ABDB.
6. Awang-Awang hendaklah berasal dari salah satu puak seperti : Brunei, Tutong, Belait, Kedayan, Dusun, Murut dan Bisaya.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

DI JABATAN PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkecualan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

1) **PEGAWAI PELAJARAN:** (Bilangan Kod: 059 13-111)
Tanggagaji: B.2 EB.3 — \$2270-\$4240 sebulan.
Kelayakan:

A. BAHASA INGGERIS

Kelayakan:

- Umur 40 tahun hingga 55 tahun.
- Ijazah dalam jurusan Bahasa Inggeris serta mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman mengajar.
- Teaching English as a Foreign Language (TEFL) atau Diploma dalam pengajaran Bahasa Inggeris adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Akan bertugas di Sekolah Pengajian dan mengajar Askar Muda dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi peperiksaan Brunei Cambridge di Peringkat Biasa (Ordinary) atau Lanjutan (Advanced).
- Bertanggungjawab dalam menyediakan askar-askar di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran tempatan atau luar negeri.

B. ILMU HISAB:

Kelayakan:

- Umur 40 tahun hingga 55 tahun.
- Ijazah dalam bidang Ilmu Hisab yang diperolehi dari universiti-universiti ataupun institusi-institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Brunei Darussalam.
- Diploma mengajar yang diakui dan berkebolehan mengajar mata pelajaran Ilmu Hisab di Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
- Berpengalaman mengajar di Sekolah Menengah tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Akan bertugas di Sekolah Pengajian dan mengajar Askar Muda dalam mata pelajaran Ilmu Hisab bagi peperiksaan Sijil Am Pelajaran Brunei Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
- Bertanggungjawab dalam menyediakan askar-askar di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran tempatan atau luar negeri.

2) **JURULATIH KEMAHIRAN PRAKTIKAL — KAPTEN:** (Bilangan Kod: 059 13-288)

Tanggagaji: B.2 — 2270-\$3760 sebulan.

Kelayakan:

- Umur 40 tahun hingga 55 tahun.
- Ijazah dalam bidang Lukisan Geometrical Pertukangan Kayu yang diperolehi dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan.
- Kelayakan dalam bidang mengajar dan berkebolehan mengajar dalam mata pelajaran Lukisan Geometrikal dan Pertukangan Kayu di Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
- Berpengalaman mengajar mata pelajaran Lukisan Geometrical dan pertukangan kayu tidak kurang dari lima tahun.

Tugas-tugas:

- Akan bertugas di Sekolah Pengajian dan mengajar Askar Muda dalam mata pelajaran Lukisan Geometrikal dan Pertukangan Kayu bagi peperiksaan Brunei Cambridge di Peringkat Biasa (Ordinary) dan Lanjutan (Advanced).
- Bertanggungjawab dalam menyediakan askar-askar di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk mengikuti kursus-kursus kemahiran tempatan atau luar negeri.

3) **JURULATIH PENERBANGAN — KAPTEN:**

(Bilangan Kod: 059 04-102)

Tanggagaji: B.2 EB.3 — \$2270-\$4240 sebulan.

Kelayakan:

- 2000 jam penerbangan serta 500 jam mengajar dan berkecualan penerbangan Diraja British (RBF) BI atau yang sebanding dengannya, tetapi A2 adalah diberi keutamaan.
- Pemohon mestilah berumur tidak kurang 35 tahun dan tidak melebihi 45 tahun.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

Jurulatih Penerbangan berkecualan yang berpengalaman dikehendaki untuk membuat Latihan Penerbangan Asas Tentera bagi pesawat Siai Marchetti SF 260. Pelatih-pelatih pada masa ini menjalani latihan lanjut pesawat helikopter. Sebagai Jurulatih Penerbangan yang berkecualan, latarbelakang dan pengalaman luas dalam pengendalian dan mengajar, terutamanya Pesawat Jet Pejuang atau Pesawat Peninjau Enjin Kembar adalah merupakan satu kelebihan.

Syarat-syarat Lantikan:

Pemohon-pemohon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan bakis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah genap menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah genap menamatkan tempoh percubaan.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod bertentangan dengan nama

jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 13 Februari, 1988.

Bilangan Pendaftaran: 151/1987

(E/1373/87)

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. **PENYELENGGARA STOR TINGKAT III:**

(Bilangan Kod: 056 39-143)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji: E.1-2-3 EB.4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan:

- i) Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau kelulusan yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Storman Tingkat I yang telah ditetapkan dalam jawatan atau Penyelenggara Stor yang bergaji hari yang telah berkhidmat selama lima tahun dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan dan sokongan Ketua Jabatan.
- Berpengalaman dan kebolehan dalam Ilmu Simpan Kira, Perakaunan atau Ilmu Hisab atau Penyelenggaraan Stor atau pembelian barang-barang akan diberi keutamaan.
- Kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris dengan baik adalah merupakan satu kelebihan.

2. **PEMANDU OUTBOARD TINGKAT I:**

(Bilangan Kod: 022 98-163)

(Di Jabatan Kastam dan Eksais, Kementerian Kewangan)

Tanggagaji: F.3-4-5 EB.6 — \$550-\$790 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur tidak kurang dari 21 tahun serta boleh menulis dan membaca dalam bahasa Melayu.
- Telah berkhidmat sebagai Pemandu Outboard Tingkat II tidak kurang dari tiga tahun.
- Mempunyai tubuh badan yang sihat dan penglihatan yang baik serta lulus peperiksaan mata. Hendaklah pandai berenang.
- Boleh memperbaiki kerosakan yang kecil ke atas motor sangkut adalah merupakan satu kelebihan.

3. **PEMANDU MOTOR SANGKUT:**

(Bilangan Kod: 026 98-158)

(Di Jabatan Daerah Belait dan Seria, Kementerian Hal

Ehwal Dalam Negeri)

Tanggagaji: F.2-3-4 EB.5 — \$495-\$700 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur tidak kurang dari 18 tahun ke atas.
- Lulus Darjah IV dan boleh menulis dan membaca.
- Keutamaan akan diberi bagi pemohon-pemohon yang berpengalaman dalam menjalankan motor sangkut dan juga boleh memperbaiki kerosakan-kerosakan yang kecil.
- Mempunyai badan sihat dan tegap, dan penglihatan yang baik dengan lulus peperiksaan mata.
- Boleh berenang tidak kurang 220 ela dengan cara bebas.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama permohonan itu satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1988.

Bilangan Pendaftaran: 159/1987.

(E/70/72)

Di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. **PENOLONG PENGUASA KOLAM RENANG:**

(Bilangan Kod: 098 70 — 129)

(Di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggagaji: C.1 EB.2 — \$1280-\$1930 sebulan.

Kelayakan:

- Berumur 25 tahun ke atas.
- i) Sijil Penuh Peringkat Lanjutan Sijil Am Pelajaran serta 3 tahun pengalaman dalam bidang kerja yang berkaitan.
- ATAU
- 2 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya serta sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan dalam Bahagian IV tidak kurang dari 5 tahun.
- 'Bronze Medallion of Royal Life Saving Society, London.'
- R.L.S.S. Teacher's Certificate United Kingdom.
- Approved Examiner Certificate (Personal Survival) A.S.A., United Kingdom.
- Tubuh badan yang sesuai dan seorang perenang yang baik.
- Berpengalaman dalam bidang menyampur kimia dan rawatan air, pembaikan jentera dan sebagainya.

2. **PELUKIS TINGKAT KHAS:**

(Bilangan Kod: 056 16 — 134)

(Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan).

Tanggagaji: C.3-4 EB.5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan:

- i) Higher National Diploma dalam bidang Seni-lukis, Senigrafik atau Design yang sebanding dengannya.
- ATAU
- Telah dan sedang berkhidmat dengan kerajaan di Bahagian III tidak kurang dari 5 tahun dan berpengalaman dalam kerja-kerja Seni-lukis, Senigrafik atau design ilustrasi buku atau majalah.
- Pemohon-pemohon dikehendaki menunjukkan folio kerja-kerja yang pernah dibuatnya sebagai bukti

pengalaman atau bukti minat.

- Berpengalaman di bidang penerbitan adalah merupakan satu kelebihan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab:

- Mengetuai beberapa cawangan dalam bahagian.
- Menyelia pegawai dan kakitangan bawahan serta mengawas harta benda.
- Membantu Ketua Bahagian dalam mentadbir dan menyelaraskan kerja-kerja seni-lukis.
- Melukis ilustrasi dan seni-grafik yang kreatif untuk buku dan lain-lain.
- Membantu menyediakan laporan tahunan dan anggaran perbelanjaan Bahagian Seni-lukis.
- Menerima serta menjalankan tugas yang diarahkan semasa ketiadaan Ketua Bahagian.

Am:

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan:

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 11 Februari, 1988.

(Bilangan Pendaftaran: 162/1987).

(E/1839/77)

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PELAKSANA :

(Bilangan Kod : 109 31 — 083).
(Di Unit Penyalahgunaan Dadah, Kementerian Pelajaran).

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

a) Higher National Diploma dalam bidang yang bersesuaian atau yang sebanding dengannya dari institut yang diiktiraf oleh kerajaan.

b) Sebaik-baiknya berpengalaman bekerja tidak kurang dari 3 tahun.

c) Berpengalaman dalam bidang teknologi pendidikan dan/atau sebarang am adalah diutamakan.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Pegawai Pelaksana yang berjaya adalah dikehendaki (antara lain) bekerja rapat dengan Pegawai Pendidikan/Penerangan Unit Penyalahgunaan Dadah. Boleh menjalankan tugas-tugasnya tanpa penyeliaan dan sebaik-baiknya dia mampu mengurus persediaan-persediaan yang berkenaan dengan persembahan sebarang am kepada orang ramai sejajar dengan dasar dan matlamat yang akan ditentukan dari masa ke semasa.

2. KETUA PEMBANTU TEKNIK :

(Bilangan Kod : 030 03 — 191).
(Di Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan).

Tanggagaji : C. 3-4 EB. 5 — \$1990-\$2970 sebulan.

Kelayakan :

a) i) Higher National Diploma dalam jurusan Kejuruteraan Elektrik atau yang sebanding dengannya.

ii) Sedang dan telah berkhidmat dengan kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan tidak kurang dari 5 tahun.

b) Pengalaman dalam penyelesaian 66KV dan 11KV "distribution system, operation," pembinaan penyelesaian dengan commissioning stesen tenaga elektrik adalah satu kelebihan.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar (tertakluk kepada prestasi kerja-kerja yang memuaskan). Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, claun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah menamatkan kontrak.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Am :

Calon-calon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang berkenaan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 2 Februari, 1988.

(Bilangan Pendaftaran : 156/1987).

(E/1987/86).

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekal WORKSHOP TEST EQUIPMENT.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup, ditulis dengan

TAWARAN BAGI MEMBEKAL WORKSHOP TEST EQUIPMENT BAGI JABATAN PENERBANGAN AWAM

Bilangan Tawaran : JPA/AT/88/3

tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemborong dan ditujukan kepada :

Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perhubungan
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat
Jalan Elizabeth II
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang pada hari Rabu 10 Februari, 1988.

3. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari pejabat Pengarah Penerbangan Awam Tingkat 4, Bangunan Operes, Lapangan Terbang Antarabangsa, Negara Brunei Darussalam dengan cagaran \$100.00.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

KENYATAAN TAWARAN JABATAN PENGANGKUTAN DARAT

TAWARAN adalah dipelawa daripada yang berkeinginan untuk mendapatkan nombor pendaftaran Siri BJ 4001 hingga BJ 4500.

Tawaran tersebut hendaklah dikembalikan kepada Jabatan Pengangkutan Darat Brunei, Jalan Gadong/Kuala Belait dengan menyatakan butir-butir berikut :

i) Nombor pendaftaran yang dipohonkan.

ii) Harga Tawaran.

iii) Nama Penuh dan Alamat.

iv) Nombor Kad Pengenalangan dengan menyertakan wang bayaran perkhidmatan sebanyak \$25.00 bagi tiap-tiap satu tawaran.

Borang tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan sampul surat berukuran 4" x 9" dan catatan perkataan "TAWARAN NOMBOR PENDAFTARAN" di bahagian atas/kiri sampul surat tersebut.

Harga tawaran yang ditawarkan hendaklah tidak kurang dari \$100.00 (Satu Ratus Ringgit Sahaja) bagi tiap-tiap satu tawaran.

Borang Tawaran dan butir-butir mengenai perkara ini boleh didapati daripada Jabatan Pengangkutan Darat Brunei Jalan Gadong/Kuala Belait.

Bilangan pendaftaran keluaran BJ yang diiklankan.

	BJ	BJ
	4001	4343
	4004	4400
	4100	4411
	4114	4422
	4141	4433
	4200	4444
	4242	4455
	4300	4500
	4334	

Peringatan : Tawaran bermula dari 4 Januari, 1988 dan tarikh tutup pada 19 Januari, 1988 jam 12.00 tengah hari.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN LAUT

1. Pemberitahuan Tawaran Bil. : JL/2/1988

Tawaran-tawaran akan diterima dari pembekal-pembekal kategori MNB kelas 2 atau pembekal-pembekal yang berkelayakan bagi "THE SUPPLY AND INSTALLATION OF A TIDE GAUGE", Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Cagaran Tawaran : \$50.00.

2. Dokumen-dokumen tawaran dan surat am kontrak boleh diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam, setelah membayar wang cagaran seperti yang dinyatakan.

3. Tarikh tutup : 27 Januari, 1988 jam 3.00 petang.

TAWARAN MEMBEKALKAN KERTAS-KERTAS PERCETAKAN/BOARD/ KERTAS SALINAN/KERTAS TAIP/KERTAS BERGARIS/KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1988 06/GP/17/87

1. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari pada hari Isnin 1 Februari, 1988 bagi membekalkan perkara-perkara seperti di bawah ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988.

ITEM	KETERANGAN-KETERANGAN	BAHAN	UKURAN	BANYAK
KERTAS-KERTAS BOARD				
1.	Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC.	105 gsm./115 gsm.	31x43 ins	800 Rms.
2.	Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC.	105 gsm./115 gsm.	25x37 ins	500 Rms.
3.	Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC.	128 gsm./135 gsm.	31x43 ins	800 Rms.
4.	Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC.	128 gsm./135 gsm.	25x37 ins	800 Rms.
5.	Japanese/European Artpaper Plain/White/BSC.	157 gsm.	31x43 ins	200 Rms.
6.	Japanese/European Embossed Artpaper Plain/White	128 gsm.	31x43 ins	800 Rms.
7.	Japanese/European Matt Artpaper Plain/White.	128 gsm.	31x43 ins	300 Rms.
8.	Japanese/European Both Side Cast Coated Board/Plain/White.	260 gsm.	31x43 ins	1000 Pkts.
9.	Australian/Austrian/United Kingdom Bond Paper.	60 gsm.	685x865mm	2500 Rms.
Warna seperti berikut :-				
	a) Pink	—	500 Reams.	
	b) Yellow	—	500 Reams.	
	c) Blue	—	1000 Reams.	
	d) Green	—	500 Reams.	

ii. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

iii. Semua Tawaran HENDAKLAH disertakan dengan contoh kertas/Board, Cap atau Brand kertas dan juga Syarikat yang membuat serta keterangan-keterangan yang diperlukan di dalam borang Tawaran yang disediakan. Kegagalan mengisikan keterangan-keterangan yang diperlukan tidak akan dipertimbangkan.

iv. Harga-harga Tawaran hendaklah dihantar terus ke Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam, sementara contoh-contoh kertas bolehlah dihantar kepada Pengarah Percetakan, Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam. Semua contoh-contoh hendaklah dihantar tidak lewat jam 4.30 petang, Hari Isnin 1 Februari, 1988.

v. Semua harga Tawaran adalah termasuk menghantar serta menyusun kertas-kertas yang dibekalkan ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam. Harga-harga yang ditawarkan adalah harga-harga pembekalan yang sebenar tanpa mempunyai sebarang syarat seperti tempoh sah harga (Price Validity) atau sebagainya. Sebarang cukai jika ada, atau penyewaan gudang dan lain-lain bayaran adalah atas perbelanjaan Pembekal sendiri sepertimana mengikut Surat Keliling Jabatan Perbendaharaan Bil. 12/1987. Tempoh keputusan Tawaran tidak dapat ditentukan. Penukaran harga selepas Pemberitahuan tidak akan dilayan.

vi. Tawaran hendaklah dihantar di dalam sampul surat yang bertutup dengan tidak ada tanda-tanda Si Pengirim dan hendaklah dialamatkan kepada :

Pengerusi Lembaga Tawaran
Kementerian Kewangan
Negara Brunei Darussalam

dengan menanda di sampul itu :-

PEMBEKALAN KERTAS 1988
JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN
KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(06/GP/17/87)

vii. Borang tawaran dan penentuan serta keterangan-keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

viii. Cagaran (Deposit) Tawaran sebanyak \$3,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam. Bayaran cagaran (Deposit) adalah dikecualikan kepada Penawar-penawar Tawaran yang sama iaitu Tawaran 01/GP/17/87. Borang-borang tawaran cuma akan diberikan setelah Wang Cagaran dijelaskan dengan menunjukkan resit pembayaran. Salinan resit HENDAKLAH disertakan bersama di dalam tawaran yang dihadapkan. Cagaran akan dikembalikan kepada Penawar-Penawar yang tidak berjaya sebagai pembekal. Kepada Pembekal-pembekal yang berjaya, wang cagaran cuma akan dikembalikan sebaik saja pembekalan penuh dibuat.

ix. Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki mengikat Perjanjian (Kontrak) dan bersetuju membekalkan dengan Harga seperti yang ditawarkan serta dalam tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut :-

a) 50% dihantar dalam tempoh 75 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.

b) 50% dihantar dalam tempoh 45 hari selepas penghantaran pertama.

Di samping itu juga, Syarikat yang berjaya akan bersetuju bagi membekalkan, jika ada pembelian tambahan, dengan harga seperti yang ditawarkan dalam tempoh masa tahun pembekalan.

x. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah berhak menolak tawaran atau mengenakan sebarang denda yang berpatutan bagi pembekalan yang lambat iaitu dikira dari tarikh penghantaran pertama seperti yang ditentukan atau membatalkan Perjanjian (Kontrak) dengan Pembekal pada bila-bila masa tanpa pemberitahuan atau notis. Mana-mana Pembekal yang didapati tidak mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan atau tidak menepati tarikh penghantaran, sebagai tambahan, jabatan ini akan membuat laporan penuh mengenai kegagalan tersebut kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam untuk tindakan lanjut.

xi. Syarikat-syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu perjanjian (Kontrak) dengan Pengarah Percetakan serta bersetuju mengikut syarat-syarat dan peraturan-peraturan Kerajaan yang ada pada masa ini.

xii. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran dan adalah berhak mengurangkan atau menambah bilangan banyak yang diperlukan.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN TELEKOM KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa bagi membekal dan menghantar perkara yang disebutkan di bawah ini kepada Stor Telekom, Jalan Dato Ahmad, Perpindahan Berakas, Negara Brunei Darussalam.

2. Paip-paip yang hendak dibekalkan itu mestilah mengikut butir-butir di bawah ini :—

GALVANISED CONTINUOUS BUTT WELDED STEEL PIPES, TO BSS 1387/1967, CLASS MEDIUM, SCREWED AND SOCKETED ENDS, IN STANDARD LENGTH OF 20 FEET WITH THREAD TO BSPT 10, AND PROTECTED AGAINST DAMAGES." UKURAN = 4" diameter

BANYAKNYA = 1000 batang

3. Tawaran hendaklah mengandungi perkara-perkara yang berikut :—

- a) Harga CIF Muara Port.
- b) Tanda Perniagaan (Brand Name).
- c) Negeri Asal (Country of Origin).

- d) Tarikh Pembekalan.
- e) Jangka masa yang sah pembekalan ini (Validity Period).

4. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan dan dihadapkan kepada :—

Pengerusi,
Lembaga Tawaran
Kecil,
Kementerian
Perhubungan,
Tingkat 1,
Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan
1150,
Negara Brunei
Darussalam.

Tidak lewat dari jam 3.00 petang, hari Rabu 13 Januari, 1988.

5. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi dan bertanda :—

"SUPPLY AND DELIVERY OF GALVANISED IRON PIPES, TENDER REF. NO : ST/5/87."

6. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN MENCETAK MAJALAH MEKAR DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

TAWARAN dipelawa daripada pencetak-pencetak dari Kategori B yang berdaftar dengan jabatan ini untuk mencetak Majalah Mekar untuk jangka masa satu tahun atau 12 keluaran.

2. Dokumen dan penentuan-penentuan mencetak majalah ini bolehlah diperolehi dari Bahagian Penerbitan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Negara Brunei Darussalam pada masa-masa bekerja.

3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat biasa yang tertutup. Di bahagian atas penjurukan sebelah kiri sampul surat tersebut hendaklah dibubuh perkataan : "TAWARAN BIL : (5)/1987 MENCETAK MAJALAH MEKAR."

4. Semua tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan atau di kirim kepada :—

Pengerusi Lembaga
Tawaran,
Bangunan Kementerian
Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan
1130,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari, hari Isnin, 8 Februari, 1988.

5. Kerajaan tidak terikat kepada mana-mana atau kepada tawaran yang paling rendah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKAMAN BAGI PUSAT BIMBINGAN DAN LATIHAN 1988/1989

PEMBORONG - pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka mengenai perkara di atas bagi perkhidmatan sepanjang tahun 1988 dan 1989.

2. Tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Isnin 18 Januari, 1988, jam 12.00 tengah hari dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis dengan perkataan :—

"PEMBERITAHUAN TAWARAN RANCANGAN PERMAKAMAN BAGI PUSAT LATIHAN DAN PEKERJAAN BAGI ORANG-ORANG CACAT DAN BUTA, JABATAN KEBAJIKAN, BELIA DAN SUKAN, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

3. Wang cengkera tawaran sebanyak \$100.00 (Seratus Ringgit Sahaja) hendaklah dibayar ke Bahagian Pentadbiran, Tingkat 3, Jabatan Ke-

baikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada bila-bila masa waktu bekerja biasa.

4. Keterangan lanjut boleh didapati daripada Pengawas Rumah-Rumah Kebajikan di Pusat Bimbingan dan Latihan Kampong Pulaie dan borang-borang boleh didapati di Bahagian Pentadbiran, Tingkat 3, Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa waktu pejabat dibuka.

5. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat bagi menerima tawaran yang murah atau tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PELAJARAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN PERKHIDMATAN BAS

Bil. Tawaran Keterangan
DA/TQ/09/88 Perkhidmatan Bas Sekolah

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di luar bilik Pengarah Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan.

Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat jam 3.00 petang hari Rabu 13 Januari, 1988

2. Orang-orang perseorangan persatuan, syarikat-syarikat kerjasama atau syarikat-syarikat tempatan sahaja berhak memohon. Pemohon-pemohon perseorangan atau ahli-ahli syarikat hendaklah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mereka hendaklah tidak memegang sebarang jawatan dalam perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam (dikecualikan ahli-ahli syarikat kerjasama yang dibolehkan di segi undang-undang) syarikat-syarikat atau firma-firma sama ada bergaji bulanan atau bergaji hari.

3. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.

4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti pemborong dan di-

alamatkan kepada :

Pengerusi,
Lembaga Tawaran Kecil,
Tingkat Satu,
Kementerian Pelajaran,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas,
Negara Brunei Darussalam

dengan menanda di bahagian atas sampul surat itu :

5. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Unit Tender/Quotation, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kementerian Pelajaran, Negara Brunei Darussalam. Waktu menerima cagaran tawaran adalah seperti berikut :—

Selasa-Khamis	8.00 pagi	—	11.00 pagi
	1.30 petang	—	2.30 petang
Isnin-Sabtu	8.00 pagi	—	10.00 pagi

6. Cagaran sebanyak \$500.00 adalah dikehendaki dengan wang tunai. Cagaran akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

TAWARAN JABATAN KERJA RAYA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran sama ada kepada alamat di bawah seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

(a) Pengerusi Lembaga Tawaran,
Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan,
Jalan James Pearce,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Isnin (seperti tarikh yang ditetapkan)

(b) Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pembangunan,
Tingkat Tiga, Bangunan Kementerian Pembangunan,
Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan.

Tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari pada tiap-tiap hari Rabu (seperti tarikh yang ditetapkan)

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi (sealed) dengan menyatakan Tajuk Projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.

4. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).

6. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas yang ditetapkan.

7. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Khamis 7 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 11 Januari, 1988.

Cagaran tawaran : \$500.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL: JKR 435 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 87AR/000500

PEMBINAAN TEMBUK JENIS GABION DI SEPANJANG JALAN HAJI BASIR, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 9 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 13 Januari, 1988.

Cagaran tawaran : \$100.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL. JKR: 1 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Hawa Dingin Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD515/1201

KERJA-KERJA PEMASANGAN HAWA DINGIN BAGI KLINIK KESIHATAN KANAK-KANAK DAN IBU-IBU MENGANDUNG, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL. JKR: 2 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD515/1201

KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK DAN PENCEGAH KEBAKARAN BAGI KLINIK KESIHATAN KANAK-KANAK DAN IBU-IBU MENGANDUNG, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988.

Cagaran tawaran : \$200.00 + \$100.00 (lukisan).

BIL. JKR: 3 TAHUN 1988

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 86AD/18900

KERJA-KERJA PILING BAGI KOMPLEKS SUKAN MENGLAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Sabtu 16 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988.

Cagaran tawaran : \$200.00.

BIL: JKR 433 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Elektrik Kelas "A", "B" dan "C" untuk :

PROJEK No. : AD501/1200

KERJA-KERJA PEMASANGAN ELEKTRIK DAN LAMPU BAGI CADANGAN TEMPAT PERLINDUNGAN ALAT JENTERA DI ATAS LOT 10954, JALAN TUTONG, KILANAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan hingga jam 4.00 petang hari Isnin 4 Januari, 1988.

Tarikh tutup : 6 Januari, 1988.

Cagaran tawaran : \$100.00 + \$50.00 (lukisan).

BIL: JKR 434 TAHUN 1987

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : AD514/1601

KERJA-KERJA MENIMBUK TANAH BAGI CADANGAN TAPAK BARIK BAGI JABATAN KERJA RAYA DI DEPOT SINARUBAI, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama,

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEMBANTU MAKMAL : (Bilangan Kod: 084 05-437)

(Di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu (1) mata pelajaran Sains Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran.
- Berpengalaman dalam kerja-kerja Pembantu Makmal seperti Microbiology atau kimia atau Teknologi Konkrit atau tanah.

2) OPERATOR TELEPRINTER :

(Bilangan Kod : 009 32-152)

(Di Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Bahagian Radio dan Televisyen, Jabatan Perdana Menteri)

Tanggagaji : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Satu mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei serta mempunyai 3 tahun pengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Mempunyai sijil menaip adalah merupakan satu kelebihan.
- Boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab untuk memastikan mesin telex di Bahagian Berita dan Hal Berita dan Hal-Ehwal Semasa berjalan dengan baik, mematuhi peraturan-peraturan yang berkaitan dengan perjalanan mesin berkenaan dan memaklumkan dengan segera sebarang kerosakan kepada Juruteknik Pemeliharaan. Memastikan bekalan kertas dan ribbon yang mencukupi supaya penerimaan bahan-bahan berita penting tidak akan terputus.
- Menjalankan tugas-tugas mengendalikan mesin telex Bahagian Berita dan Hal-Ehwal Semasa untuk menghantar bahan-bahan berita atau membuat perhubungan dengan pertubuhan-pertubuhan berita di luar negeri.
- Menjalankan tugas-tugas diarahkan oleh Ketua Penyunting Berita dan Hal-Ehwal Semasa atau Penolong-penolongnya dari masa ke semasa.

3) JURUTEKNIK RENDAH :

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan)

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

Kelayakan :

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei (lulus dalam mata pelajaran Ilmu Hisab atau Ilmu Alam) atau yang sebanding dengannya.
- Berpengalaman dan kebolehan praktikal yang terbukti di dalam salah satu bidang kerja-kerja ukur tanah.
- Tahu menulis dan membaca.

4) ATENDAN PERPUSTAKAAN :

(Bilangan Kod : 056 19-122)

(Di Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan)

Tanggagaji : E. 1-2-3 EB. 4 — \$515-\$875 sebulan.

TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN PUSAT TAHANAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekal dan menjahit pakaian seragam untuk Pegawai-pegawai Besar, Wadard-wadard, Buruh-buruh dan Orang Tahanan, Jabatan Pusat Tahanan Jerudong, Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1988/1989.

- Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga tiap-tiap helai seluar dan baju seperti yang dikehendaki di dalam borang penawar dan contoh-contoh kain yang akan dibekalkan hendaklah disertakan. Butir-butir lanjut mengenai dengan bentuk dan kain yang biasanya digunakan bolehlah didapati daripada Ibu Pejabat Pusat Tahanan, Jerudong, Bandar Seri Begawan 2005, pada bila-bila masa pejabat dibuka.
- Penawar yang berjaya hendaklah bersedia membuat dan membekal setiap pesanan di dalam tempoh tidak lebih tiga minggu dari tarikh indent dikeluarkan.
- Pemborong bolehlah diberituhkan atau memohon berhenti dengan memberi tiga bulan notis secara bertulis.
- Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang tertutup dan beriak (sealed) serta ditandakan dengan terang "TAWARAN BAGI MEMBEKAL DAN MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN PUSAT TAHANAN, JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa menunjukkan identiti penawar dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 11 Januari, 1988.
- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

Kelayakan :

- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.
- Boleh menguasai dua bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu).
- Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

- Memproses buku: melekat poket, label tarikh pemulangan, cap milik, lettering nombor kelas dan membaiki buku.
- Bertugas di kaunter: menerima ahli, meminjamkan buku, membatalkan peminjaman membuat dan mengeluarkan peringatan.
- Menyemak dan menyediakan buku-buku rosak untuk dijilid.
- Aktiviti perpustakaan termasuk pameran.
- Bertugas di Perpustakaan Bergerak dan perpustakaan-perpustakaan cawangan.
- Membersihkan rak buku.
- Menyusun dan shelf-reading buku.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga

hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta Bilangan Kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Januari, 1988.

Bilangan Pendaftaran : 160/1987.

(E/259/79)

DI DALAM PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KERAJAAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI KADET :

(Bilangan Kod :

060 04 — 322).

(Di Jabatan Laut, Kementerian Perhubungan).

Tanggagaji : D. 2 — \$650-

\$820 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur di antara 18 hingga 23 tahun.
- 4 mata pelajaran Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran atau yang sebanding dengannya yang termasuk mata-mata pelajaran Ilmu Hisab, Bahasa Inggeris dan salah satu mata pelajaran Sains Gunaan ('Applied Science').
- Pandai berenang sekurang-kurangnya dalam jarak sejauh 80 meter.
- Layak dari segi kesihatan untuk mengikuti perkhidmatan-perkhidmatan di laut dan lulus ujian penglihatan.
- Berminat dalam kerja-kerja perkapalan dan laut.

Tugas-tugas dan Tanggungjawab :

Pegawai Kadet tidaklah mempunyai tugas-tugas khas semasa dalam perkhidmatan, tetapi akan dihantar keluar negeri untuk mengikuti kursus-latihan untuk mendapatkan kelulusan sebagai 'Master Foreign Going Ship' atau Ist. Class Engineer (Steam and Motor), di sebuah institusi politeknik yang diaturnak.

2. JURUTEKNIK UKUR :

(Bilangan Kod :

094 03 — 337).

(Di Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan).

Tanggagaji : D.1-2 EB.3-4-5

— \$530-\$1625 sebulan.

Kelayakan :

- Berumur tidak kurang daripada 18 tahun.
- Mestilah mempunyai Sijil Ukuran Tanah dari Institut Latihan Teknikal yang diiktiraf.
- ATAU
- Lulus salah satu mata pelajaran berikut Peringkat Biasa Sijil Am Pelajaran :
 - Ilmu Hisab.
 - Ilmu Alam.
 - Satu mata pelajaran Sains.
- Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan-kelulusan seperti di (b) atau (c)

di atas, tetapi mempunyai pengalaman dan kebolehan praktikal yang terbukti di bidang kerja-kerja Ukur Tanah boleh juga dipertimbangkan.

3. PENOLONG JURURAWAT

PERCUBAAN/TERLATIH :

(Bilangan Kod :

062 07 — 147).

(Di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan, Kementerian Kesihatan).

Tanggagaji : M2. — \$550-

\$930 sebulan.

Kelayakan :

- Bujang dan berumur 18 tahun ke atas.
- Sijil Rendah Pelajaran Brunei atau yang sebanding dengannya.

ELAUN :

Pakaian seragam akan diberi percuma. Tempat tinggal disediakan semasa dalam latihan. Selain dari itu elaun makan sebanyak \$72.00 sebulan dibayar semasa dalam tempoh percubaan.

TEMPOH PERCUBAAN :

Tempoh percubaan biasanya ialah selama 2 tahun 4 bulan.

Am :

Pemohon-pemohon yang berjaya bagi satu-satu jawatan yang dipohonkan mestilah bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir (shift) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.

Peringatan :

Pemohon-pemohon adalah dikehendaki supaya mencatatkan nama jawatan serta bilangan kod yang bertentangan dengan nama jawatan yang dipohonkan di dalam borang permohonan mereka. Borang permohonan tanpa catatan bilangan kod yang berkenaan tidak akan dilayan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan

Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang bagi tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan 2001, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 11 Februari, 1988.

(Bilangan Pendaftaran :

155/1987).

(E/770/85).

PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN

Syarat-syarat Tawaran

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4 Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan 1130, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Januari, 1988.

b. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran dan Sebut-harga Jabatanarah, Kewangan dan Perbekalan Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison, semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat).

c. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan rujukan dan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu. Contoh-contoh atau katalog asal mestilah dihantar ke Unit Tawaran, Bahagian Tawaran dan Sebut-harga, Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Kementerian Pertahanan, Bolkliah Garison Bangunan 150. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

d. Cagaran tawaran pem-

bekal adalah dikehendaki bagi semua tawaran yang diiklankan dan akan dikembalikan kepada setiap pembekal yang menghantar tawaran jujur (bona-fide tender) setelah mengetahui pembekal yang berjaya.

BIL : MINDEF/DFP/STB/

RC 02

MEMBEKAL :

RATION BASAH DAN

KERING

PERKHEMAHAN

BERAKAS.

Cagaran : \$400.00

BIL : MINDEF/DFP/STB/

RC 03

MEMBEKAL :

RATION BASAH DAN

KERING

PERKHEMAHAN

MUARA.

Cagaran : \$400.00

PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL : PPL/MTB/497/1987

Tajuk kerja : PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN NURSERY RESEARCH CENTRE SUNGAI LIANG, SERIA, KUALA BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Cengkeram : \$200.00.

Tarikh tutup : 20 Januari, 1988 (hari Rabu) jam 12.00 tengah hari.

KERING

PERKHEMAHAN

BOLKIAH.

Cagaran : \$300.00.

BIL : MINDEF/DFP/STB/

RC 04

MEMBEKAL :

RATION BASAH DAN

KERING

PERKHEMAHAN

TUTONG.

Cagaran : \$400.00

BIL : MINDEF/DFP/STB/

RC 05

MEMBEKAL :

RATION BASAH DAN

KERING

PERKHEMAHAN

MUARA.

Cagaran : \$400.00

Tempat tutup : Peti Ta-

waran Kecil, Kementerian

Pembangunan.

Kelayakan Pemborong : Kelas 'A', 'B' atau 'C' (Electrical Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan di Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik.



Kelolaan Dk. Fatimah PHMN

BELIA & SUKAN



PENGIRAN Badaruddin bin Pg. Ghani, Yang Dipertua MBB.

Pengiran Suhaimi Naib Yang Dipertua MBBDBM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kongres Agung Pertama Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung selama tiga hari bermula 1 Januari lepas telah berakhir dengan melantik Pengiran Suhaimi bin Pengiran Wahid sebagai Naib Yang Dipertua majlis itu.



PENGIRAN Suhaimi bin Pg. Haji Wahid.

Majlis juga telah melantik Timbalan Naib Yang Dipertua, Awang Ali bin Haji Metussin dan Setiausaha Agung ialah Awang Haji Jabidi bin Juru Laki Haji Abdul Latif. Perlantikan itu adalah suara majoriti yang diwakili oleh hampir 200 orang perwakilan belia di Daerah Brunei dan Muara. Perlantikan itu mendapat persetujuan sepenuhnya dari ahli-ahli sidang.

Pengumuman keputusan mengenai perlantikan itu dibuat oleh salah seorang jawatankuasa Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara, Awang Julaihi bin Abdullah pada hari terakhir kongres itu.

Kongres selama tiga hari juga membentangkan kertas kerja, antaranya Adat Istiadat Brunei, Kebudayaan, Keagamaan dan Belia, di samping sesi soal jawab.



PARA peserta diraikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali di satu majlis makan malam.

MBB TUAN RUMAH MESYUARAT KOMITI KERJASAMA BELIA ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah memperkenankan Majlis Belia-belia Brunei menjadi tuan rumah Mesyuarat Kesepuluh Setiausaha-setiausaha Nasional Komiti ASEAN bagi Kerjasama Belia dan Mesyuarat Keempat Komiti Eksekutif Majlis Belia ASIA pada 12 hingga 15

Januari ini di Bandar Seri Begawan.

Yang Dipertua Majlis Belia-belia Brunei, Pengiran Badaruddin bin Pengiran Ghani mengumumkan demikian di majlis Kongres Agung Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara dan menyatakan bahawa kedua-dua mesyuarat itu dapat dijadikan wadah forum antarabangsa di mana penglibatan secara penuh perwakilan kita dalam perbincangan untuk merumuskan beberapa ketetapan dan resolusi dan menghasilkan beberapa perkara yang berfaedah mengenai aktiviti belia dalam jangka pendek dan

jangka panjang semata-mata kerana kepentingan masa depan ASEAN dan rantau ASIA-PASIFIK.

Dalam kenyataannya, Yang Dipertua MBB itu juga menyentuh mengenai terutamanya majlis belia-belia daerah, Majlis Belia Brunei lebih merasa yakin untuk melangkah setapak lagi ke hadapan selaras dengan kedudukan negara yang berdaulat dan merdeka iaitu dengan melibatkan diri secara langsung di dalam pergerakan belia serantau dan di peringkat antarabangsa.

"Kita perlu segera bergerak cergas dan mengambil peranan utama pergerakan

belia ASEAN dan seterusnya di peringkat belia ASIA-PASIFIK iaitu rantau yang penting dari segi strategi dan politik serta ekonomi antarabangsa," tambah Yang Dipertua MBB itu.

Penglibatan MBB ke arah itu adalah sangat perlu kerana "sebagai indung" kepada persatuan-persatuan belia dan kebajikan di negara ini di mana kita berada di hadapan sekali untuk menandai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, yang menekankan bahawa peranan penuh negara kita dalam kegiatan belia ASEAN, jelas Yang Dipertua MBB.

Perkara itu adalah antara lain yang baginda titahkan di Sidang Kemuncak kali ketiga Ketua-ketua Kerajaan ASEAN di Manila yang merupakan suatu perkara yang amat tinggi nilainya kepada golongan belia di negara ini kerana bukan sahaja memberikan pengiktirafan kewujudan dan peranan MBB malah memberi laluan yang terbuka luas kepada para belia di keempat buah daerah di samping dapat menyumbangkan derma bakti bersama mengekalkan keamanan, keharmonian, kemantapan dan ke-langsungan hidup ASEAN itu sendiri.

"Kita semua bersedia berdiri teguh di belakang baginda dalam melaksanakan apa-apa juga aktiviti belia ASEAN," tegas Yang Dipertua MBB dengan penuh semangat.

Yang Dipertua Majlis Belia-belia Brunei juga berharap supaya majlis-majlis belia daerah akan mengambil peranan masing-masing dalam membentuk dan melahirkan golongan belia yang bukan sahaja terpelajar dan terbaik, bahkan akan menyedari tanggungjawab sebagai ejen pembaharuan dan aset pembangunan negara di samping menjadi warganegara yang bersih dari segala penyakit sosial dan pengaruh kebudayaan yang tidak sihat.

PENCERAMAH dari Pusat Dakwah Islamiah sedang menyampaikan ceramah kepada para perwakilan kongres (kiri).

GAMBAR-GAMBAR oleh Pg. Haji Yaakub PMHH.



SEBAHAGIAN daripada perwakilan, peserta dan pemerhati yang menghadiri kongres agung pertama MBBDBM.



WAKIL dari Persatuan ASTERAWANI Pg. Dr. Haji Amir ketika memberikan pendapatnya dalam satu sesi soal jawab semasa kongres diadakan.



sorotan sukan 1987

Sukan Lumba Perahu: BELUM NAMPAK KEMAJUAN SEBENAR

TAHAP pencapaian sukan lumba perahu sepanjang tahun lalu belum menampakkan kemajuan sebenar sekalipun berjaya menggondol satu pingat perak dan tiga pingat gangsa dalam temasya sukan antara negara-negara Asia Tenggara, Sukan SEA ke-14 di Jakarta.

Bagaimanapun pencapaian itu boleh diterima sebagai melepas kepuasan jika dibandingkan dengan pencapaian dalam Kejohanan Jemputan Piala Pengiran Digadong, yang mana kita hanya mampu meraih tiga pingat gangsa.

Jika diukur di kedua-dua kejohanan itu dengan Kejohanan Pesta Sukan Merdeka tahun 1985 dulu, nampaknya pencapaian dalam Pesta

Sukan Merdeka lebih baik lagi kerana hampir semua acara di pesta itu kita sering memberikan cabaran sengit terhadap Indonesia yang menguasai tangga teratas.

Tetapi kemunculan Thailand dan Singapura dalam Kejohanan Jemputan Piala Pengiran Digadong yang lalu dan Sukan SEA ke-14 yang lalu telah menenggelamkan kita dengan sekali saja tempat kedua dan lain acara di tangga ketiga.

Berdasarkan kepada perkembangan itu, kita belum terlambat untuk menyiapkan diri bagi persiapan yang akan datang yang mana persiapan rapi nanti akan menghasilkan kedudukan yang memuaskan.



PINGAT emas... sebutir pingat melalui acara Olahraga Pencak Silat yang dibawa dari temasya Sukan SEA ke-14 di Jakarta tahun lalu merupakan pencapaian terbaik setakat ini.

PRESTASI SUKAN NEGARA SEMAKIN BERSINAR

PRESTASI sukan negara sepanjang tahun lalu begitu 'bersinar' apabila ahli-ahli sukan kita berjaya memperlihatkan kemampuan mereka dengan meraih beberapa kemenangan di peringkat antarabangsa, terutama

dalam temasya sukan antara negara-negara Asia Tenggara — Sukan SEA ke-14 di Jakarta dan Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur.

Sebutir pingat emas, tiga pingat perak dan tujuh pingat gangsa dalam temasya Sukan SEA ke-14 di Jakarta dan dua butir pingat perak dan enam pingat gangsa dalam Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur sudah cukup membayangkan bahawa satu masa nanti kita akan dapat menandingi negara-negara yang sudah 'established' di rantau ini.

Dari kadar jumlah pingat-pingat yang diperolehi itu, sudah cukup memberikan gambaran bahawa tahap yang

diinginkan sudah hampir menemui matlamatnya.

Bagaimanapun, hanya terdapat beberapa bidang sukan lain saja yang masih di tahap yang belum menggemibirkan. Bolasepak umpamanya, masih lagi dalam keadaan seimbang peningkatan sekali pun berjaya mempamerkan sedikit kemajuan semasa Kejohanan Piala Malaysia, Kejohanan Piala Sultan Hassanah Bolkliah dan Piala Borneo.

Kejayaan dalam kejohanan-kejohanan itu gagal dilanjutkan dalam temasya Sukan SEA ke-14 di Jakarta di mana kita kecundang oleh Thailand dan Indonesia.

SEPAKTAKRAW

Sepaktakraw pula terus menerus mengalami keadaan 'malap' dan keadaannya semakin 'parah'. Kekalahan dalam dua kejohanan yang disertai, iaitu Piala Borneo

dan Jemputan MAS-UTUSAN-RTM sudah cukup menghendaki pembaharuan segera.

Sebaliknya, dua negara jiran kita yang baru 'berjinak' dalam permainan ini dua tiga tahun yang lalu berjaya menghayati dengan sempurna dan selanjutnya mencapai 'reputasi' membanggakan jika dibandingkan dengan kita yang sebelum ini dikategorikan sebagai terbaik selepas Singapura, Malaysia dan Thailand.

OLAHRAGA DAN RENANG

Begitupun, dalam lapangan olahraga dan renang menampakkan sedikit peningkatan terutama dalam Kejohanan Olahraga Borneo di Sabah, Kejohanan Olahraga Track & Fields di Singapura, dan Sukan SEA ke-14 di Jakarta. Pelari ber-

Lihat muka 19



Kelolaan Ahat Haji Ismail

BELIA & SUKAN



TINJU... Kekurangan pendatang baru amat ketara, sebaliknya penekanan bagi memilih petinju-petinju baru adalah perlu sebagai pelapis di masa akan datang.



OLAHRAGA... masih lagi memerlukan pendedahan di samping kekurangan pendatang baru. Pencapaian di bidang ini masih lagi terlalu jauh dengan tahun-tahun lalu.



OLAHRAGA PENCAK SILAT:

PENINGKATANNYA MENDADAK!

ACARA-ACARA sukan seni mempertahankan diri mempunyai peningkatan mendadak sekalipun usia penubuhan persatuannya baru diperkenalkan setahun dua.

Olahraga pencak silat, yang dipertandingkan buat pertama kali dalam temasya sukan antara negara-negara Asia Tenggara, Sukan SEA ke-14 di Jakarta amat berpotensi apabila berjaya mengukir nama Negara Brunei Darussalam di mata dunia setelah meraih satu pingat emas, tiga perak dan tujuh gangsa di temasya itu.

Kejayaan itu berlanjutan di

Kejohanan Silat Sedunia di Kuala Lumpur dengan meraih dua perak dan enam gangsa.

Dua kejayaan di kejohanan itu cukup membayangkan kita bahawa masa depan perkembangan olahraga pencak silat akan semakin bersinar dan pencapaian ini perlu dikekalkan.

Karate jua tidak kurang hebatnya di mana dalam kejohanan Sukan SEA ke-14 di Jakarta, mereka meraih dua pingat perak dan empat gangsa dalam acara perseorangan dan berpasukan.

Walaupun juga kali pertama disertakan dan banyak kekurangan di segi pengalaman, namun mereka berjaya menonjolkan prestasi cemerlang dan hampir-hampir meraih pingat emas.

Sementara itu acara tinju juga sering membawa kejayaan sejak penyertaan di Sukan SEA Kuala Lumpur tahun 1977 hingga di Jakarta tahun lalu terus-menerus memberikan sumbangan berharga.

Setakat ini acara tinju berjaya membawa pulang satu pingat perak dan 16 pingat gangsa sepanjang penyertaan di temasya itu.



PEMANGKU Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais, Awang Hussin bin Haji Besar menyampaikan piala berpasukan kepada ketua pasukan Kastam B.S.B. 'B'. — Gambar oleh Harun Rashid.



IMBAS kembali acara pencak silat dalam Sukan SEA ke-14 di Jakarta tahun lalu.

KASTAM 'B' JUARA BADMINTON BERPASUKAN

PASUKAN Kastam Bandar Seri Begawan 'B' muncul sebagai juara badminton ber-

pasukan antara bahagian-bahagian Jabatan Kastam dan Eksais Diraja apabila mereka

menundukkan Kastam Kuala Belait 'A' 3-2 dalam perlawanan akhir di Dewan

Permainan Kementerian Kewangan, Ahad lepas.

Pasangan Jamil Ibrahim dan Pg Haji Ismail yang turun sebagai pemain bergu ketiga terpaksa berhempas pulas dalam perlawanan rubber set untuk menundukkan pasangan bergu Kastam Kuala Belait 'A' iaitu Zaini Hamid dan Morshidi Idris dengan kiraan 15-18, 15-10 dan 15-1.

Terdahulu sebelum itu Kastam Bandar Seri Begawan 'B' berjaya mendahului Kastam Kuala Belait 'A' 2-0 melalui perlawanan perseorangan pertama dan kedua iaitu Jamil Ibrahim menewaskan Zaini Hamid dengan kiraan straight set 15-3, 15-4.

Kemudian pemain perseorangan kedua Pg Haji Ismail menundukkan Kassim Haji Salleh juga dengan kiraan straight set 15-4, 15-6.

Bagaimanapun Kastam Kuala Belait 'A' berjaya merapatkan kedudukan menjadi 2-1 apabila pasangan bergu pertama mereka iaitu Stanislaus Leong dan Ramlee Haji Abbas menundukkan pasangan Haji Ghafar Haji Karim dan Osman Talib dengan kiraan straight set 18-14, 15-9.

Kastam Kuala Belait 'A' terus mempamerkan permainan cemerlang dengan menyamakan kedudukan menjadi 2-2 setelah pasangan bergu kedua mereka Jumat Jais dan Kassim Haji Salleh menundukkan pasangan bergu Sulaiman Ghafar dan Teo Ah Hoon dengan straight set 15-8, 15-4.

Sementara itu dalam perlawanan perseorangan terbuka, Jamil Ibrahim muncul sebagai juara setelah menundukkan Haji Ghafar Haji Karim straight set 15-3, 15-0. Manakala, dalam perlawanan perseorangan bagi mereka yang berumur 35 tahun ke atas disandang oleh Sulaiman Ghafar yang menewaskan Kassim Haji Salleh dengan kiraan straight set 18-16.

PENJARA tewaskan RTB dengan jaringan 2-1



Kelolaan Dk. Fatimah PHMN

BELIA & SUKAN



JABATAN Penjara berjaya menundukkan Radio Televisyen Brunei (RTB), dengan jaringan 2-1 dalam perlawanan merebut tempat ketiga dan keempat Kejohanan Bolasepak Piala Aziz yang berlangsung di Padang Kebajikan, Belia dan Sukan, Berakas pada Sabtu lepas.

Penjara mendahului RTB 2-0 dalam separuh masa pertama hasil jaringan-jaringan daripada Rahim dan Ali Rashid di minit ke-12 dan 31.

Keseluruhan permainan separuh masa pertama itu banyak dikuasai oleh Penjara yang ketika itu mengambil kesempatan di atas kepincangan barisan RTB yang hanya bermain 10 orang.

Bagaimanapun, dalam separuh masa kedua RTB berjaya merapatkan kedudukan menjadi 2-1 hasil jaringan cantik Mohammad Haji Mahmud di minit ke-62 dan selanjutnya menguasai keseluruhan permainan. Kecemerlangan penjaga gol Yunos Yusof menghalang RTB untuk menjaringkan gol.

Dalam perlawanan separuh akhir yang lalu RTB kecundang di tangan Jabatan Kerja Raya (JKR) 3-2 manakala Penjara kecundang di tangan Ukur 2-0.

Dalam perlawanan akhir pada 10 Januari depan Jabatan Ukur akan bertemu JKR di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi menentukan juaranya.

MILIK siapa... Pemain RTB, Tamit Haji Jais cuba dihalang oleh penyerang Penjara dalam perlawanan merebut tempat ketiga. — Gambar oleh Pg. Haji Yaakub

SAMBUNGAN DARI MUKA 18

potensi negara Roslan Baha berjaya mencatatkan masa terbaik dalam ketiga-tiga kejohanan itu sekalipun gagal memugut salah satu pingat di Sukan SEA ke-14 di Jakarta. Pelari muda ini bagaimanapun memerlukan masa, latihan dan pendedahan yang banyak untuk mencapai matlamat itu.

Sementara itu sukan renang pula setakat ini mula membuahkan hasil yang baik apabila perenang-perenang muda kita berjaya meraih banyak kejayaan terutama di Kejohanan Jemputan Pulau Pinang. Sebelum ini beberapa kejayaan juga telah ditempah oleh perenang kita dalam Sukan SEA ke-14 di Jakarta.

BASIKAL

Lapangan lumba basikal pula belum menampakkan sebarang kejayaan jika dibandingkan pada tahun-tahun 60-an dan awal tahun 70-an. Setakat ini penyertaan di peringkat antarabangsa gagal menepati sebarang kejayaan. Pendedahan dan penampilan pelumba-pelumba baru tidak menjanjikan harapan yang baik.

Dalam pada itu salah satu faktor mundurnya minat orang ramai meminati lapangan ini ialah kurangnya inisiatif pengelolaan kejohanan-kejohanan tempatan. Sekalipun ada, itu hanya setakat mengikut 'musim'. Keadaan demikianlah menyebabkan kita 'ketandusan' pelumba-pelumba baru untuk ditampikan.

Analisa ringkas daripada sorotan ini mendedahkan bahawa pencapaian sukan dalam acara-acara berpasukan masih belum memuaskan, sebaliknya memerlukan usaha gigih untuk meningkatkannya. Graf peningkatan pemain-pemain masih di tahap 'setara' dan perlu diperbaiki bagi persediaan di musim akan datang.

Brunei Darussalam dan Republik Pakistan tandatangani Perjanjian Perkhidmatan Udara

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam dan Republik Islam Pakistan telah menandatangani teks Perjanjian Perkhidmatan Udara antara kedua buah negara di satu majlis yang berlangsung di Islamabad, ibu negara republik tersebut, pada 30 Disember lepas.

Mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menandatangani perjanjian tersebut ialah Menteri Perhubungan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz.

Menurut kenyataan akhbar yang dikeluarkan oleh Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, dengan adanya perjanjian tersebut Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan dibenarkan untuk menentukan sebuah syarikat penerbangan bagi mengadakan perkhidmatan udaranya di antara Negara Brunei Darussalam dengan Republik Islam Pakistan dengan hak-hak pengangkutan yang penuh bagi "six intermediate points" dan "three beyond points".

Kerajaan Republik Islam Pakistan pula akan dapat menetapkan satu syarikat penerbangannya dengan hak-hak pengangkutan di antara Republik Islam Pakistan dengan Negara Brunei Darussalam.

Penerbangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Republik Islam Pakistan akan berhak untuk membuat pendaratan di Negara Brunei Darussalam. Syarikat penerbangan tersebut juga akan berhak untuk membuat enam persinggahan di lapangan terbang negara-negara lain sebelum Negara Brunei Darussalam dan berhak pula untuk membuat tiga persinggahan di lapangan terbang negara-negara lain selepas Negara Brunei Darussalam dengan hak-hak pengangkutan penuh.

Perjanjian Perkhidmatan Udara ini merupakan yang julung-julung kalinya ditandatangani walaupun hubungan rapat antara kedua buah negara memang telah wujud dengan kukuhnya.

Yang Berhormat Menteri Perhubungan di upacara itu disertai oleh Dato Paduka Awang Haji Chuchu bin Panglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Setiausaha Tetap Kementerian Perhubungan; Awang Haji Kassim bin Haji Latip, Timbalan Pengarah Penerbangan Awam; Awang Azahari bin Mohd Ali, Pegawai Penyelidik dan Perkembangan, Kementerian Perhubungan; Awang Azahari bin Haji Ahmad dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri; Awang Ahmad Zakaria bin Haji Muhammad dari Kementerian Undang-Undang dan Pengiran Tengah bin Dato Pengiran Paduka Haji Metassim, Pengarah Urusan, Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA).

Sambungan dari muka 1

dan yang sentiasa berdisiplin adalah masyarakat yang sihat yang akan dapat memunculkan perhatian sepenuhnya kepada ekonomi dan pembangunan negara.

"Dengan wujudnya sebuah masyarakat yang sihat, yang bebas daripada gejala-gejala sosial dan yang sentiasa berdisiplin, maka kita akan dapat memunculkan perhatian kita sepenuhnya kepada perkara-perkara yang berhubung dengan ekonomi dan pembangunan," titah baginda menegaskan.

Dalam hal ini titah baginda lagi, adalah perlu bagi kita semua sentiasa membantu dengan yang lain di dalam menjaga keamanan dan ketenteraman negara dan mengamalkan sikap pemedulian terhadap keadaan dan masyarakat di sekeliling kita, serta patuh kepada undang-undang dan peraturan.

Terdahulu dari itu baginda bertitah, tahun 1987 telah kitaalui dengan penuh

keamanan, kestabilan dan kemakmuran.

BERKAT KERJASAMA

"Keadaan yang beta nyatakan itu juga dicapai dengan berkat adanya kerjasama, perpaduan dan sokongan sepenuhnya yang diberikan oleh segenap lapisan rakyat dan penduduk negara ini kepada kerajaan beta.

Ini termasuk juga pegawai-pegawai dan kakitangan dan pasukan-pasukan keselamatan di dalam kerajaan beta. Bagi pencapaian ini beta ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih," titah baginda.

Baginda juga menjelaskan dalam titah perutusan baginda itu, tahun 1987 dipenuhi dengan berbagai kegiatan dan projek-projek yang berkebakikan yang dilakukan oleh pihak kerajaan dan juga pihak-pihak swasta dalam usaha untuk mempertingkatkan lagi pencapaian produktiviti, mutu kerja dan perkembangan di bidang-bidang ekonomi dan sosial.

BELIA BERKELAYAKAN IBARAT "UDARA PAGI YANG SEGAR"

BANDAR SERI BEGAWAN. — Belia-belai yang mempunyai kelayakan akademik, berijazah, diploma dan kelayakan profesional yang melibatkan diri dalam persatuan-persatuan belia adalah diibaratkan sebagai udara pagi bersih yang menyegarkan tubuh badan untuk bergerak

dengan lebih berkesan.

Demikian diharapkan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Mohd. Daud ketika merasmikan Kongres Agung Pertama Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara di Pusat Belia di sini pada 1 Januari lepas.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali bin Haji Md. Daud.

Oleh Dk. Fatimah PHMN

Penglibatan mereka itu sangat-sangat dialukan dan tampil ke hadapan beramai-ramai untuk menyertai persatuan-persatuan belia di mana sahaja mereka berselera untuk menyertainya, walaupun tidak menjadi ahli jawatankuasa, apa yang penting ialah memberikan khidmat dan pendapat terutama sekali perkara-perkara yang berhubung dengan ilmu pengetahuan yang dimiliki, tegas Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan itu.

"Jangan karit akan ilmu pengetahuan yang dimiliki itu, amput-ampiti jua kepada orang lain," tegas Dato Paduka.

Dalam hal itu, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali menyaranan, supaya mereka itu juga jangan menganggap bahawa memasuki persatuan adalah membuang masa semata-mata dan tidak men-

datangkan faedah tetapi sebaliknya pupuklah semangat untuk terus berkhidmat kepada negara dan bangsa sesuai dengan peribahasa Melayu "di mana ada kemahuan di situ ada jalan".

"Jika mereka benar-benar berjiwa masyarakat, sudah tentu mereka itu akan mencari jalan untuk menyumbangkan tenaga bakti kepada masyarakat jika sebaliknya keadaan itu berterusan masyarakat kita akan menghadapi kebuntuan," tegas Dato Paduka Awang Haji Mohd. Ali.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan juga mengingatkan kepada belia-belai di negara ini supaya sentiasa bermuzakarah, berpakat serta tegur-menegur dan menunjuk ajar di mana yang perlu, berat sama dipikul ringan sama dijinjing.

Beliau juga menekankan supaya jangan menganggap persatuan sebagai pejabat di mana mereka menjalankan tugas urusan setiap hari secara routine kerana ini akan mendatangkan "kelanguan" kepada belia. Sebagai mengubah selera, jadikanlah persatuan itu sebagai gelanggang permainan di mana semua ahlinya akan mengambil bahagian mengikut kecekapan dan keupayaan masing-masing dengan sukrela dan perasaan yang terbuka.

Dari muka 1

ucapan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat dan penduduk negara ini.

"Beta bersama dengan keluarga beta mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sambil berdoa ke hadirat Allah Subhanahu Wataala mudah-mudahan negara kita Brunei Darussalam akan sentiasa dirahmati-Nya dengan keamanan dan kemakmuran serta bahagia segala manusia dan isi di dalamnya."

Dari muka 5

asa atau lemah semangat dalam menghadapi kemungkinan yang akan terjadi di hari-hari depannya. Sebab kesemuanya itu adalah dalam pengetahuan dan kekuasaan Allah dan di luar dari kekuasaan manusia. Kesimpulannya Islam menggalakkan kita memandang hidup ini dari kaca mata yang putih dan bukan dari kaca mata yang hitam di samping berusaha dan taat kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya.

Faktor-faktor menyebabkan persatuan belia tidak aktif

BANDAR SERI BEGAWAN. — Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali telah menggariskan beberapa faktor sebab-sebabnya mengapa persatuan-persatuan belia yang berjumlah 165 buah majoriti tidak bergerak aktif.

Secara keseluruhan tegas Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali ialah kekurangan pemimpin-pemimpin yang berkelayakan dan berkeupayaan dan kekurangan mereka yang ingin menumpukan khidmat bakti demi untuk memajukan anak-anak bangsa sendiri di samping kekurangan semangat kepimpinan dan keyakinan untuk mencapai kejayaan mengikut tujuan dan dasar persatuan.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali juga berpendapat faktor lain yang menyebabkan persatuan tidak bergerak aktif ialah terdapatnya pemimpin-pemimpin yang dilantik hanya ingin mendengar namanya disiarkan sebagai ahli jawatankuasa tetapi tidak mahu bergerak untuk menjalankan tugas yang diberikan kepadanya di samping kurang percaya kepada diri sendiri sebagai pemimpin yang berkebolehan.

Faktor lain ialah terdapat pemimpin yang bersifat merayau-rayau dari satu persatuan ke persatuan yang lain untuk mencari kedudukan yang dipergunakan sebagai batu loncatan semata-mata

untuk kepentingan diri sendiri, akhirnya persatuan yang dipimpinnya menjadi kacau-bilau dan tidak menentu, jelas Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam hal itu beliau menyaranan Majlis Belia Daerah Brunei dan Muara segera menubuhkan "pasukan latihan" yang terdiri dari belia-belai yang berkelayakan melatih dan menunjuk ajar kepada bakal-bakal pemimpin belia.

"Dengan cara ini saya berkeyakinan persatuan-persatuan di negara ini akan sentiasa mempunyai pemimpin-pemimpin yang terlatih yang mempunyai sifat-sifat kepimpinan akan pula memimpin generasi muda yang bakal menjadi pengganti mereka itu di masa hadapan. Pemimpin yang terlatih itu akan membawa bersamanya azam dan tekad untuk menjadi pemimpin yang tidak akan luntur kerana panas dan tidak akan lembab kerana hujan," ujar beliau menaruh harapan.

Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali juga menyeru pemimpin-pemimpin belia supaya akan menggunakan akal fikiran dan penilaian-penilaian yang saksama supaya akan dapat menentukan yang mana kaca dan yang mana intan di samping mempunyai sifat-sifat jujur, amanah dan suka berterus terang serta mengakui

kekurangan yang ada pada dirinya supaya akan diberikan latihan untuk menjadi pemimpin yang berpotensi dan tahan lasak.

Dalam pada itu beliau juga tidak menafikan terdapatnya kelemahan-kelemahan yang lain yang menyebabkan kemunduran beberapa persatuan di negara ini antaranya ialah ada pemimpin-pemimpin yang termasuk dalam lingkungan "pak sang-gup" dan berkhidmat dengan harapan untuk mendapat timbal balik sejajar dengan pengorbanannya.

"Disebabkan kelemahan yang dimiliki di antara pemimpin belia itu menyebabkan pentadbiran persatuan-persatuan belia turut terjerjes dan kurang berfungsi dengan baik dan sempurna," tegas Dato Paduka Awang Haji Mohd Ali.

Untuk mengatasi perkara-perkara itu, Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan sekali lagi menasihatkan supaya pihak-pihak yang bertanggungjawab terhadap perkembangan belia mengadakan siasatan dan penyelidikan tentang apakah masalah-masalah yang dihadapi mereka dan masalah itu pula perlulah diselesaikan dan jangan pula lari dari masalah-masalah berkenaan, di samping bertindak untuk membuat pindaan persatuan masing-masing yang menyekat kebebasan pergerakan persatuan belia di negara ini.

BELIA EJEN PEMBANGUNAN DAN PEMBAHARUAN NEGARA